

WARTA UNIVERSITI

BIL. 54

OKTOBER 2017

ISSN 0126-6292

ISTIADAT PENGISYTIHARAN PELANTIKAN SEMULA PRO-CANSELOR SERTA ISTIADAT KONVOKESYEN

**Sabtu, 21 Oktober 2017
hingga
Selasa, 24 Oktober 2017**

Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya (UM) telah dimulakan dengan Istiadat Pengisytiharan Pelantikan Semula Pro-Canselor UM pada hari Sabtu, 21 Oktober 2017 jam 9.00 pagi di Dewan Tunku Canselor, UM. Dalam istiadat tersebut, Tuanku Canselor, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah dengan limpah perkenaan telah mengisytiharkan pelantikan semula Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob sebagai Pro-Canselor UM.

Setelah selesai, Istiadat Konvokesyen UM diteruskan seperti biasa. Istiadat Konvokesyen telah berlangsung selama empat hari iaitu pada hari Sabtu, 21 Oktober 2017 (Sidang Pertama) jam 9.00 pagi; hari Ahad, 22 Oktober 2017 (Sidang Kedua) jam 9.00 pagi dan (Sidang Ketiga) jam 3.00 petang; hari Isnin, 23 Oktober 2017 (Sidang Keempat) jam 9.00 pagi dan (Sidang Kelima) jam 3.00 petang; dan hari Selasa, 24 Oktober 2017 (Sidang Keenam) jam 9.00 pagi dan (Sidang Ketujuh) jam 3.00 petang. Kesemua sidang ini telah diadakan di Dewan Tunku Canselor, UM.

Sidang pertama telah dipengerusikan oleh Tuanku Canselor, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah. Sidang Kedua dan Sidang Ketiga dipengerusikan oleh Toh Puan Pro-Canselor, Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong. Sidang Keempat dan Kelima pula dipengerusikan oleh Tan Sri Pro-Canselor, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob. Sidang Keenam dan Sidang Ketujuh dipengerusikan oleh Tan Sri Pro-Canselor, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli Ngah Talib.

Pada tahun ini, UM telah menganugerahkan Ijazah Kehormat kepada dua orang tokoh ternama, iaitu Ijazah Kehormat Doktor Kemanusiaan kepada Dr. Anthony Crothers Milner dan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Tan Sri Dato' Dr. Lee Shin Cheng. UM juga telah menganugerahkan Gelaran Profesor Emeritus kepada Datuk Dr. Zainal Kling dan Dr. Lin Hai Peng.

UM juga telah menganugerahkan Anugerah Pelajaran DiRaja kepada dua orang pelajar cemerlang program Sarjana Muda iaitu Saudari Nur Hana Binti Mohamed Ariffin dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat dan Saudara Low Chee Keen dari Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran.

Penganugerahan ijazah kepada graduan dibahagikan seperti berikut: Sidang Pertama – 530 graduan Ijazah Doktor Falsafah, 1 graduan Doktor Perubatan, 11 graduan Ijazah Doktor Kesihatan Awam dan 2 graduan Ijazah Kesihatan Awam Pergigian; Sidang Kedua – 101 graduan Ijazah Doktor Falsafah dan 760 graduan Ijazah Sarjana; Sidang Ketiga – 708 graduan Ijazah Sarjana; Sidang Keempat – 327 graduan Ijazah Sarjana dan 457 graduan Ijazah Sarjana Muda; Sidang Kelima – 689 graduan Ijazah Sarjana Muda; Sidang Keenam – 719 graduan Ijazah Sarjana Muda; dan Sidang Ketujuh – 562 graduan Ijazah Sarjana Muda. Jumlah keseluruhan penganugerahan ijazah adalah seramai 4,867 graduan.

**TITAH TUANKU CANSELOR
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH**

Sabtu, 21 Oktober 2017 (Pagi)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera.

Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya kali ke-57, sekali lagi memasyhurkan Tan Sri Dato' Seri Siti Norma binti Yaakob, sebagai Pro Canselor untuk tempoh 5 tahun. Beta amat menghargai kesediaan beliau untuk terus bersama, membantu Beta memenuhi satu tanggungjawab fardu kifayah.

Konvokesyen ke-57, akan mengurniakan ijazah kepada 4,867 graduan; 645 akan menerima Ijazah Doktor Falsafah, 1,795 Ijazah Sarjana dan 2,427 Ijazah Sarjana Muda. Konvokesyen ke-57, turut mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Tan Sri Dato' Dr. Lee Shin Cheng, dan Ijazah Kehormat Doktor Kemanusiaan kepada Dr. Anthony Crothers Milner, serta gelaran Profesor Emeritus kepada Datuk Dr. Zainal bin Kling dan Dr. Lin Hai Peng.

Alhamdulillah, usaha-usaha yang dirintis oleh Universiti terus membuahkan hasil. *Ranking* dunia Universiti Malaya berjaya dilonjakkan, dari tangga 133 pada tahun 2016 ke tangga 114 di dalam *QS World University Rankings 2017*. Prestasi cemerlang juga diperolehi dalam bidang-bidang tertentu; Universiti Malaya tersenarai dalam kelompok 50 universiti terbaik dunia dalam *QS World University Rankings by Subject 2017* di dalam lima subjek, iaitu Kejuruteraan Elektrik, *ranking* ke-23; Pengajian Pembangunan, *ranking* ke-26; Kejuruteraan Mekanikal, *ranking* ke-33; Kejuruteraan Kimia, *ranking* ke-38; dan Pendidikan, *ranking* ke-41. Beta menzahirkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada Pengerusi serta ahli-

ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor serta staf akademik dan kepada seluruh warga kampus atas ketekunan, komitmen dan dedikasi hingga membolehkan Universiti mencipta kejayaan.

Pelan Strategi Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) mahu menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pengajian tinggi menjelang tahun 2020. Pencapaian pelan tersebut, amat bergantung pada tahap nilai integriti yang dimiliki oleh warga Universiti, ketika melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Integriti dan kepimpinan berintegriti, amat penting dalam sesebuah organisasi dan negara.

Memiliki integriti yang tinggi adalah sebahagian daripada sifat ilmuwan. Aspek melahirkan insan berilmu amat penting dijadikan gagasan Universiti. Perlu difahami perbezaan antara insan berpelajaran dengan insan berpendidikan, antara insan berpengetahuan dengan insan berilmu. Insan berpelajaran mungkin menguasai pelbagai pengetahuan tetapi tidak merasa bersalah memanipulasikan pengetahuan untuk kepentingan diri, meski mengakibatkan kesengsaraan kepada insan lain dan kehidupan alam; sementara insan berpendidikan adalah insan berilmu yang dilengkapi komponen roh, lalu menyedari akan etika dan batas yang wajib dihormati.

Integriti bersumberkan kekuatan dalaman; kekuatan yang bersumberkan keimanan; kekuatan dalaman yang menuntut kepada kesanggupan menghadapi risiko dan kesanggupan melakukan pengorbanan. Dalam istiadat ini, Beta memilih

untuk berkongsi dua peristiwa yang boleh dijadikan pengajaran.

Peristiwa pertama:

Alphonse Gabriel Capone, terkenal dengan gelaran 'Al Scarface', ialah ketua gengster di Chicago pada tahun-tahun lewat sembilan belas dua puluhan membawa ke awal sembilan belas tiga puluhan. Al Capone membina kekayaan melalui pelbagai kegiatan jenayah merangkumi pembunuhan, perniagaan arak secara haram dan operasi pusat pelacuran. Al Capone mempunyai peguam, dikenali dengan gelaran 'Easy Eddie', seorang peguam yang pintar melakukan pelbagai manipulasi untuk melepaskan Capone daripada sebarang tindakan undang-undang. Capone amat menghargai khidmat Eddie, lalu mencurahkan Eddie dengan pelbagai kemewahan. Atas sifat seorang ayah yang bertanggungjawab, Eddie mempunyai kelembutan hati terhadap anak lelaki yang sangat beliau kasihi. Walaupun Eddie sama-sama bergelumang dalam pelbagai kegiatan jenayah, namun Eddie berazam mahu menyemai nilai-nilai murni di dalam mendidik anaknya. Eddie mahukan anaknya menjadi insan baik, tetapi insaf bahawa meskipun beliau memiliki segala kekayaan, beliau miskin dalam dua perkara untuk diwariskan kepada anaknya, pertama nama baik, dan kedua teladan yang baik.

Didorong keinsafan tersebut, Eddie mengambil ketetapan mahu bertaubat dan berazam untuk memperbetulkan segala yang salah. Dengan niat mahu membersihkan namanya, agar apabila anaknya telah dewasa, tidak dibebani aib kerana salah lakunya, Eddie menghubungi pihak penguat kuasa dan mendedahkan salah laku Capone. Dia amat sedar risiko besar yang dihadapi apabila diperlukan menjadi saksi pendakwa semasa mahkamah membicarakan Capone; Capone disabitkan dengan kesalahan lalu dipenjarakan. Hayat Eddie berakhir dengan tubuhnya dihujani semburan peluru daripada serangan pengikut-pengikut Capone.

Sebelum menghembus nafas terakhir, Eddie mempercayai, dia telah memberikan sebaik-baik hadiah kepada anaknya dengan membersihkan dirinya daripada dosa bersubahat melindungi jenayah. Di dalam saku pakaian di tubuh Eddie yang berlumuran darah, Polis menemui tasbih, salib, medalion agama, dan potongan puisi yang mengandungi bait-bait berikut:

*The clock of life is wound but once,
And no man has the power*

*To tell just when the hands will stop
At late or early hour
Now is the only time you own
Live, love, toil with a will
Place no faith in time
For the clock may soon be still*

Peristiwa Kedua:

Perang Dunia Kedua melahirkan ramai wira; salah seorang daripadanya adalah Lieutenant Butch O'Hare. Dalam satu misi penerbangan bersama skuadronnya, O'Hare mendapati, disebabkan kecuaiannya, tangki minyak pesawatnya tidak dipenuhi, lalu tidak membolehkannya menyempurnakan misi. Dia diarah berpatah balik. Dengan berat hati, O'Hare keluar daripada formasi. Semasa berpatah balik, dia terserempak dengan skuadron tentera udara Jepun yang sedang menuju untuk menyerang Armada Amerika yang pastinya terdedah tanpa pertahanan berkesan, kerana semua pesawat telah berlepas untuk melakukan misi.

O'Hare perlu berfikir pantas, melakukan sesuatu untuk mengalih perhatian skuadron Tentera Udara Jepun. Tanpa memikirkan keselamatan dirinya, O'Hare menjunamkan pesawatnya, merempuh ke dalam formasi skuadron Jepun sambil melepaskan tembakan. Tentera Udara Jepun yang tergamam menghadapi serangan secara mengejut, terpaksa terbang ke arah berlainan dan membatalkan misi untuk menyerang Armada Amerika. Butch O'Hare berjaya membawa pesawatnya mendarat di *aircraft-carrier*. Filem yang dirakamkan oleh kamera pesawat, membuktikan tahap keberanian dan semangat kepahlawanan Butch O'Hare. Butch O'Hare adalah orang pertama diiktiraf sebagai Ace of World War II, dan juruterbang tentera laut yang pertama memenangi Congressional Medal of Honor. Satu tahun kemudian, pada usia 29 tahun, Butch O'Hare terbunuh dalam satu pertempuran udara. Penduduk di tempat lahirnya, menghargai keberanian dan pengorbanannya, lalu menamakan lapangan terbang Chicago dengan nama O'Hare Airport.

Apakah kaitan dua peristiwa ini? Jawapannya, Butch O'Hare adalah anak kepada Easy Eddie. Kedua-dua insan ini, bersedia menghadapi risiko demi negara. Mereka berdua bersedia mengorbankan nyawa kerana sayangkan negara. Mereka berdua bersedia kehilangan nyawa demi memastikan negara dan warganya terpelihara dan terlindung dan tidak tertewas dengan apa jua ancaman. Terkandung elemen-elemen, pengorbanan, integriti, kepahlawanan

dan patriotisme dalam DNA Butch dan Eddie. Dua peristiwa yang dipetik ini, malah ribuan lagi peristiwa seperti ini, wajib dijadikan bahan rujukan dalam usaha mahu menyuntik semangat jati diri di kalangan warga.

Reputasi Universiti akan berada di tahap tinggi, jika berjaya mendidik, mengasuh, membimbing dan menghasilkan graduan yang berintegriti. Universiti Malaya wajib berada di barisan hadapan menjaguh agenda integriti. Sebagai pusat perkembangan ilmu dan tamadun yang bertanggungjawab melahirkan cerdik pandai, Universiti Malaya mempunyai tanggungjawab besar untuk menyemai nilai integriti dalam usaha melahirkan graduan terbaik. Alhamdulillah, Universiti Malaya telah memasukkan di dalam kurikulum, elemen-elemen untuk membentuk graduan yang memiliki daya kepimpinan berwibawa, graduan yang mempraktikkan budaya kerja cemerlang, graduan yang mempunyai jati diri tinggi serta graduan yang menghayati agama secara mendalam.

Para graduan harus bersedia menghadapi realiti dunia yang kian mencabar, bukan sahaja dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran dan ketersediaan fizikal untuk memenuhi keperluan pasaran kerja, malahan wajib melengkapkan diri dengan akhlak dan budi yang menjadi teras pembinaan roh. Integrasi antara akal dan jiwa perlu selari, dibina secara bersama, kerana tidak mungkin modal insan yang cemerlang, tinggi inteletiknya, mantap spirituilnya, dapat dilahirkan, jika salah satu elemen ini dipinggirkan. Dalam menghadapi godaan dan dugaan, saudara-saudari perlu memiliki kekuatan azam, perlu memiliki daya tahan, perlu membina pohon keimanan yang kukuh. Berwaspadalah agar tidak mudah terperangkap dengan formula 'kejayaan segera – kekayaan segera – kemewahan segera – kekuasaan segera'. Bahawa kejayaan, kekayaan, kemewahan dan kekuasaan yang dimiliki melalui usaha tulus, melalui titik jerih dan kesabaran, lebih kekal, lebih afdal dan lebih sejahtera sifatnya.

Hari ini merupakan hari menikmati hasil kejayaan daripada segala usaha gigih sepanjang tempoh

pengajian saudara-saudari di Universiti Malaya. Kejayaan ini adalah anugerah Ilahi kepada setiap hamba Nya yang berikhtiar dan berusaha. Dalam kegembiraan meraikan kejayaan ini, sedarilah bahawa kejayaan ini tidak mungkin tercapai, tanpa sokongan, tanpa bantuan dan tanpa iringan doa kedua ibu bapa. Hargailah jasa ibu bapa, dan sekiranya mereka telah tiada lagi di dunia ini, lakukan amalan untuk menyejahterakan roh mereka yang sedang berada di alam barzakh. Tunjukkan segala kasih sayang kepada ibubapa dengan berpedoman kepada hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam menurut Riwayat Al Hakim:

“Redha Allah bergantung pada redha dua ibu bapa, dan murka Allah bergantung pada murka kedua-dua ibu bapa.”

Kejayaan ini juga tidak mungkin tercapai tanpa dedikasi para pensyarah, begitu juga pelbagai komitmen perkhidmatan daripada kakitangan pengurusan dan kakitangan sokongan Universiti. Oleh itu, tunjukkan sifat berterima kasih kepada mereka yang telah berjasa, baik secara perkataan begitu juga secara perbuatan dengan mencerminkan budaya orang berbudi – kita berbahasa. Hargailah jasa Universiti dengan menghulurkan bantuan secara berkala walau sekecil mana sekalipun. Alumni berperanan penting untuk membantu dana Universiti.

Beta menzahirkan ucapan tahniah kepada para graduan. Beta menzahirkan penghargaan kepada para ibubapa yang sentiasa memberi sokongan dan sentiasa mendoakan kesejahteraan anak-anak. Kepada Pengerusi serta ahli-ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor serta seluruh tenaga akademik, begitu juga kepada staf pengurusan, staf sokongan dan setiap warga Universiti Malaya, sama-sama kita doakan agar segala khidmat bakti mereka di institusi ilmu ini, diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai amar makruf yang dikurniakan ganjaran dunia – ganjaran akhirat, agar mereka dan keluarga senantiasa dilimpahi rahmat Ilahi.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**UCAPAN NAIB CANSOLOR
DATUK PROFESOR DR. AWG BULGIBA AWG MAHMUD
YANG MENJALANKAN FUNGSI SEBAGAI NAIB CANSOLOR**

Sabtu, 21 Oktober 2017 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Segala pujian bagi Allah, Tuhan Pencipta Alam, selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga dan para sahabat.

Mengadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah, Canselor Universiti Malaya.

Ampun Tuanku,

Bagi pihak seluruh warga Universiti Malaya, para graduan dan ibu bapa, patik merafak sembah dan menjunjung kasih tidak terhingga kerana dengan Izin-Nya, Duli Yang Maha Mulia Tuanku dapat berangkat mencemar duli bagi menyempurnakan Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya pada kali ini.

Patik menjunjung kasih ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku serta mendoakan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa berada dalam kesejahteraan, kerahmatan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Ampun Tuanku,

Patik memohon perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk menyampaikan ucapan kepada para hadirin sekalian.

Dif-dif Kehormat, Tuan-Tuan, Puan-Puan, ibu bapa serta para graduan yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, syukur kerana dengan rahmat dan keizinanNya dapat kita bersama-sama pada hari ini. Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada para hadirin terutama ibu bapa sekalian yang hadir untuk meraikan kejayaan para graduan, seterusnya memeriahkan lagi Istiadat Konvokesyen Universiti

Malaya buat kali yang ke-57. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua graduan di atas kejayaan anda menamatkan pengajian masing-masing. Semoga kejayaan anda pada hari ini akan melakar lebih banyak kejayaan di masa akan datang sekaligus menyemarak nama Universiti Malaya selaku *alma mater* di dalam Negara mahupun persada antarabangsa.

Hadirin sekalian,

Peranan Universiti pada hari ini tidak semata-mata melahirkan modal insan bagi memenuhi keperluan Negara, tetapi apa yang lebih penting adalah meningkatkan jumlah bakat atau modal intelek yang akan membantu membina Negara dan bangsa Malaysia. Menyedari hakikat ini, Universiti Malaya sentiasa komited dalam memberikan yang terbaik kepada semua pemegang taruh termasuklah mahasiswa, staf dan kerajaan.

Bersempena dengan Istiadat Konvokesyen pada kali ini, izinkan saya berkongsi dengan para hadirin sekalian beberapa kejayaan yang pasti memberi inspirasi kepada kita semua untuk terus cemerlang di masa akan datang.

Umum mengetahui bahawa Universiti Malaya masih kekal di kedudukannya yang pertama dalam Negara. Malahan berdasarkan QS University Ranking, UM berada di kedudukan 24 terbaik di peringkat Asia dan manakala di peringkat dunia pula kita telah berjaya meletakkan tempat di kedudukan ke 114. Saya percaya kejayaan kita ini adalah hasil komitmen tidak berbelah bahagi warganya yang sentiasa memastikan tugas terus digalas untuk mencapai pelbagai agenda meskipun berbagai cabaran dihadapi.

Kejayaan kita meletakkan UM di kedudukan 114 dunia membuatkan pihak pengurusan Universiti mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa tidak mustahil untuk kita berada di kedudukan 100 terbaik dunia dalam tempoh 2 tahun akan datang. Untuk itu Inisiatif "Breaking Top 100" telah

digarap bagi kita menuju ke arah itu. Sudah pasti usaha ini memerlukan kekuatan dalaman dan sumber yang mencukupi khususnya dari segi kewangan dan modal insan. Dalam keadaan ekonomi semasa dan demi menyahut cabaran sebagai sebuah Universiti Penyelidikan yang telah diberikan status autonomi, Universiti Malaya sedar bahawa tidak selamanya kita harus meletakkan kebergantungan kepada kerajaan semata-mata untuk melaksanakan agenda kecemerlangan. Oleh yang demikian Universiti perlu terus melaksanakan pelbagai aktiviti dan inisiatif yang akan membantu usaha Universiti untuk kelestarian kewangan termasuklah meningkatkan sumber kewangan melalui penajaan pendapatan dan endowmen. Kita juga telah memulakan pelbagai aktiviti untuk menarik minat industri dan filantropi untuk melaksanakan program yang akan memberi pulangan terbaik melalui situasi menang-menang atau *win-win situation*.

Selain daripada itu, usaha menarik para alumni Universiti untuk kembali menyumbang kepada *alma mater* juga diharapkan akan memperkuatkan institusi ini melalui inisiatif *Giving Back To UM*. Pelantikan duta alumni dari kalangan orang yang mempunyai pengaruh diharapkan akan membantu usaha ini. Justeru di kesempatan ini, saya ingin menyeru graduan Universiti ini untuk kembali ke kampus bukan sekadar mengemalkan nostalgia tetapi yang lebih bermakna memberi sumbangan demi memperkasa dan membawa Universiti ini ke mercu kegemilangan. Dalam konteks ini, rasa pemilikan atau *sense of belonging* yang tinggi oleh graduan terhadap Universiti Malaya sebagai *alma mater* amatlah penting. Kita perlu melihat bagaimana alumni di universiti tersohor dunia seperti Harvard, Yale dan Cambridge tidak terus meninggalkan *alma mater* mereka, sebaliknya kembali memberikan khidmat dan sumbangan melalui pelbagai cara. Saya percaya ini merupakan cara terbaik untuk kita sama-sama berganding bahu demi memastikan UM terus mencorak kegemilangan dan kekal di hati semua rakyat sebagai Universiti tersohor di Malaysia dan di mata dunia.

Hadirin yang dihormati,

Pelbagai kejayaan warga UM di pelbagai peringkat terus dirai dan dihargai. Tidak hanya kejayaan yang dicapai melalui staf, UM juga berbangga kerana pelajar kita sudah mampu memberi sumbangan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan seperti melalui Sukan SEA 2017 dan pelbagai aktiviti

seperti debat dan forum. Kehebatan staf kita dalam pelbagai aktiviti penyelidikan juga menerima anugerah demi anugerah antaranya PECIPTA dan CREAM 2017. Terlalu banyak anugerah yang telah diperolehi hasil usaha gigih warga UM dan pada hari ini saya sekadar menyebut sebahagian kecil sahaja.

Hadirin sekalian,

Alhamdulillah, pada tahun ini seramai 4,867 graduan akan menerima ijazah masing-masing dan sekali lagi sejarah tercipta apabila daripada jumlah tersebut seramai 645 graduan akan menerima Ijazah Kedoktoran termasuk seorang Ijazah Doktor Perubatan, 11 orang Ijazah Doktor Kesihatan Awam manakala 2 orang penerima Ijazah Doktor Kesihatan Awam Pergigian. Ini merupakan pencapaian tertinggi Universiti Malaya yang pastinya merupakan usaha gigih para graduan dan tenaga pengajar. Selain itu 1795 graduan akan menerima Ijazah sarjana manakala 2,427 lagi menerima ijazah pertama masing-masing. Syabas dan Tahniah diucapkan.

Saya ingin menyeru kepada semua graduan Universiti Malaya untuk terus mencari ilmu walaupun bukan secara formal, kerana bangsa yang perkasa adalah bangsa yang sentiasa cintakan ilmu. Bukan sekadar ilmu yang memberi manfaat kepada diri sendiri malahan memberi manfaat kepada orang lain serta kemuliaan kepada sejagat. Ilmu yang diburu tanpa henti pasti akan membezakan antara yang celik dan yang buta, antara yang mulia dan yang hina; dan antara yang kaya dan yang papa kedana. Kerana orang yang berilmu pasti akan tersingkap kemuliaannya di sisi masyarakat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga Pengarah Universiti, barisan pengurusan Universiti dan seluruh warga Universiti yang sentiasa bersama saya dalam menjayakan pelbagai agenda kecemerlangan. Terima kasih juga kepada pihak kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi yang sentiasa memberi sokongan dan bantuan kepada Universiti dalam mencapai pelbagai agenda yang direncanakan. Kepada Alumni Universiti Malaya, teruskan sokongan anda kepada Universiti yang kita cintai ini kerana sesungguhnya usaha memartabatkan Universiti Malaya di persada dunia memerlukan

gandingan dan usaha keras berterusan semua pihak.

Tidak lupa juga ucapan penghargaan saya kepada semua staf yang telah berusaha keras dalam merencana dan merealisasikan istiadat Konvokesyen pada kali ini yang pastinya akan sekali lagi terpahat sebagai detik bersejarah Universiti Malaya.

Ampun Tuanku,

Patik dan seluruh warga Universiti Malaya sekali lagi merafak sembah menjunjung setinggi kasih di atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke Istiadat Konvokesyen pada pagi ini. Galakan

dan sokongan berterusan Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap usaha untuk meningkatkan Universiti Malaya sebagai universiti ternama dunia amat besar sekali nilainya dan patik mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan membalas segala budi baik Duli Yang Maha Mulia Tuanku itu dengan sebaik-baik pembalasan. Dengan sepenuh hormat takzim dan tawadhuk juga, patik memohon limpah ampun Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas sebarang kekurangan pada majlis ini.

Menjunjung Kasih Tuanku.

Sekian, *wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**PIDATO PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT
DOKTOR KEMANUSIAAN
UNTUK
DR. ANTHONY CROTHERS MILNER
DIUCAPKAN OLEH PEMIDATO UMUM
PROFESOR DR. AZIRAH HASHIM
PENGARAH EKSEKUTIF, INSTITUT ASIA-EROPAH**

Sabtu, 21 Oktober 2017 (Pagi)

Profesor Anthony Crothers Milner dilahirkan di Melbourne, Australia. Beliau memulakan pengajian di Monash University dengan kepujian dalam bidang *History Honours Class*. Pernah mencurahkan bakti dalam waktu yang singkat di Jabatan Sejarah Universiti Malaya sebelum memulakan pengajian di Southeast Asia Program, Cornell University bagi ijazah Sarjana dan PhD di bawah didikan sarjana Sejarah terkenal iaitu Professor Oliver Wolters. Falsafah didikan Profesor Milner juga dipengaruhi oleh guru dari Australia, tokoh dalam bidang Indonesia, John Legge dan pakar antropologi Clifford Geertz di Institute for Advanced Study, Princeton. Beliau memulakan perkhidmatan di Jabatan Sejarah di Australian National University di Canberra, dan akhirnya dilantik menjadi Chair of Asian History di Faculty of Asian Studies – Basham Chair. Dari tahun 1996 - 2005, beliau juga Dekan Asian Studies, Pemangku Pengerusi Lembaga Fakulti dan Pro Vice Chancellor - serta dua tahun sebagai wakil Dekan dan Pengarah Majlis Universiti. Kini, beliau merupakan Profesor Emeritus di Australian National University, Pengarah Antarabangsa bagi Asialink, Professorial Fellow di University of Melbourne, serta Pengerusi Bersama Australian Committee of the Council for Security Cooperation in the Asia Pacific. Minat semasa Profesor Milner adalah dalam budaya politik Malaysia dan Melayu, hubungan serantau dan Hubungan Australia-Asia. Lawatan beliau ke Malaysia pertama kalinya adalah pada tahun 1960-an, sebagai mahasiswa PhD pada tahun 1970-an dan kemudiannya sebagai ahli akademik yang berpusat di United Kingdom dan Australia. Pada tahun 2009 beliau dilantik sebagai Profesor Pelawat dan Pemegang Kerusi Pok Rafeah dalam Pengajian Antarabangsa di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada tahun 2014 beliau telah dilantik

sebagai Pemegang Kerusi Tun Hussein Onn di ISIS Malaysia. Beliau juga Profesor Adjung di Kluster Penyelidikan Kemanusiaan, Universiti Malaya dari 2012 hingga 2014, yang terlibat dalam membangunkan penyelidikan mengenai identiti Melayu.

Sejak 2015, beliau telah dilantik sebagai Profesor Pelawat di Institut Asia-Eropah dan Centre for ASEAN Regionalism (CARUM) di Universiti Malaya. Profesor Milner memainkan peranan penting dalam inisiatif menghubungkan Institut dan pusat dengan para sarjana dalam Pengajian ASEAN dan keserantau serta para diplomat dan pegawai serta membantu memupuk rangkaian dan kerjasama institusi dengan entiti di Malaysia dan di luar negara. Pada tahun 1998 Profesor Milner berkhidmat selama sedekad di Australian Government's Foreign Affairs Council, dua penggal di Board of the Government's Australia Malaysia Institute di Malaysia, Board of the Australia Thailand Institute; serta Australian Research Council. Beliau diiktiraf sebagai Fellow Academy of the Social Sciences di Australia pada tahun 1995. Pada tahun 2016 beliau menjadi Fellow of the Royal Historical Society in Great Britain dan 2007 beliau dianugerahkan Member of the Order of Australia di dalam kategori "*for services to education in the field of Asian studies as an academic and an author and in international relations through the development of cross-cultural education and outreach activities*". Pada tahun 2008 beliau dilantik "National Life Member" bagi Australian Institute of International Affairs (bersama Duke of Edinburgh). Malahan, karya-karya Professor Milner telah mendapat ulasan memberangsangkan antaranya buku "*Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*" dipilih antara 25 hasil karya

“works of major importance to historical studies and most frequently cited in the literature” dalam bidang sejarah Asia Tenggara oleh Association for Asian Studies di Amerika Syarikat dan di American Council of Learned Societies. Terkini, pada bulan Ogos 2017, Profesor Milner telah menerima

Anugerah Merdeka yang berprestij dengan kata-kata pujian “*outstanding contribution to research and education in Malaysian history that has shaped and promoted the understanding of the Nation’s identity, heritage and culture, and for his role in fostering international collaborations*”.

**UCAPAN PENERIMA ANUGERAH IJAZAH KEHORMAT
DOKTOR KEMANUSIAAN
OLEH
DR. ANTHONY CROTHERS MILNER**

Sabtu, 21 Oktober 2017 (Pagi)

His Royal Highness Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Honourable Guests, Ladies and Gentleman.

A very good morning

This is an extraordinary honour. I have been involved with Malaysia since the 1960s, when I visited here on a student exchange scheme, and heard a talk by Tunku Abdul Rahman in this university. Over the years – coming as an academic researcher and visiting professor, often with my wife Claire and a few enthusiastic children – I have watched with respect the way the University of Malaya has developed, seeking to be an institution of high academic quality that is also sharply relevant to Malaysia’s nation-building objectives.

The Honorary Doctorate the university has awarded me is in ‘the Humanities’, and quite a few of you here will be graduating in Humanities areas. Some people view the Humanities as a luxury – of only minor relevance to the urgent tasks of our time. I would like to take this opportunity to say what a mistaken view this is. I think immediately of two of Australia’s best defence analysts – two people who think hardest about Australia’s security in today’s dangerous world. One was trained in philosophy, the other in English literature. I think too of Bilahari Kausikan, the eloquent former head of the Singapore Foreign Ministry. In a recent book, he says that the “study of history, literature and philosophy” is even better preparation than a training in international relations for a career in international affairs.

In my own case, when I first began to think about Malaysia – as a young Australian wanting to learn about the new nations emerging in the region close to my country – I quickly saw the need for Humanities knowledge. Most writing on Southeast Asian countries at that time was preoccupied with ‘development’ – with how these societies were modernizing or not modernizing. The arrogant question seemed to be: how quickly were they

becoming ‘like us’ – and I felt this was the wrong approach. I wanted to know about perspectives – about what things meant to Malaysians and other Southeast Asians – and then how their views might challenge (or even add to) the dominant perspectives in my own country. Historians ask such questions – historians I admire (including Wang Gungwu formerly at this university) have explored local contexts, local narratives. But I was also excited by the work of anthropologists - particularly Clifford Geertz, who analysed the categories which shape the way particular people in particular places understand the world. Geertz studied two Islamic societies – Indonesia and Morocco. He knew he had to try to understand these societies in their own terms. It was not enough to talk about power and domination, capitalism and world system – about what he called “elevated banalities” such as “common humanity”. Morocco and Indonesia were different – no one who visits them, he said, will confuse one with the other. The scholar needs to get at the difference between them – and this is primarily a Humanities task.

I felt if I wanted to understand what makes Malaysia different or distinctive I needed to think about the country’s history – right back to the pre-British sultanates. Investigating that history helps to explain the plural society of modern Malaysia – in which Malays monopolised political power, and Chinese and others predominated in the economy. Historical research throws light too on the divisions in Malay society (including differences in approach to religion) and on the continuing preference for top-down leadership. Most of all, a Humanities approach highlights that Malaysia has not just been about a struggle for power and money – it has also witnessed a contest of ideas, in some ways quite creative.

My current interest is foreign policy, and here knowledge of historical heritage certainly helps to explain Malaysia’s international behaviour – your international activism, your preference for making

friends with everyone (avoiding taking sides between major powers) and your energetic region-building (especially in ASEAN). For a start, it seems to me, the renowned Hikayat Hang Tuah – made available in a modern romanized edition by the late Kassim Ahmad – can be read as a diplomatic manual. It is a text which, like many other pre-modern Malay writings, is full of insights - some of which remain relevant today.

In this university, in both the Asia Europe Institute and the Centre for ASEAN Regionalism, we are addressing foreign policy issues of urgent importance to Malaysia. Many of you graduating today will find your training prepares you to help Malaysia in its great ASEAN project – making ASEAN one of the most successful regional

communities in the world. Graduates in Humanities fields will also be pleased to know that in our University of Malaya research on regionalism a Humanities training can provide vital benefits.

Finally, my deepest gratitude is due to this foremost academic institution – the University Malaya - for graciously awarding me this Honorary Doctorate in Humanities.

Vice-Chancellor, members of the senate and council, I accept your prestigious honour with all humility and I thank you for the trust and belief in my life's work.

Thank you.

**UCAPAN TOH PUAN PRO-CANSELOR
TOH PUAN DATO' SERI HAJJAH DR. AISHAH ONG**

Ahad, 22 Oktober 2017 (Pagi)

*Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.*

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia dan izin Allah kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana yang penuh ceria untuk meraikan saat yang amat bermakna bagi para graduan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Siti Norma binti Yaakob atas pelantikan semula sebagai Pro Canselor Universiti Malaya. Saya yakin dengan khazanah pengetahuan dan himpunan pengalaman yang dimiliki beliau akan dapat membantu kemajuan Universiti.

Para hadirin sekalian,

Istiadat konvokesyen pada petang ini merupakan Bahagian Kedua daripada tujuh bahagian yang telahpun bermula pada 21 Oktober 2017 dan akan berakhir pada 24 Oktober 2017.

Dalam istiadat konvokesyen kali ini, Universiti Malaya menganugerahkan ijazah kepada 4867 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian sama ada pada peringkat Ijazah Kedoktoran, Sarjana ataupun Sarjana Muda. Daripada jumlah tersebut, 645 merupakan penerima Ijazah Kedoktoran, 1795 penerima Ijazah Sarjana dan 2427 penerima Ijazah Sarjana Muda.

Di samping itu, konvokesyen tahun ini turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Tan Sri Dato' Dr. Lee Shin Cheng, dan juga Ijazah Kehormat Doktor Kemanusiaan kepada Dr. Anthony Crothers Milner. Selain itu, gelaran Profesor Emeritus pula dianugerahkan kepada Datuk Dr. Zainal bin Kling dan Dr. Lin Hai Peng.

Pada pagi ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan Ijazah Doktor Falsafah kepada 101 graduan. Universiti Malaya juga akan menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada 760 graduan dalam pelbagai disiplin dan bidang pengajian daripada Institut Pengajian Siswazah, Fakulti Sains, Fakulti Undang-Undang, Fakulti Perubatan dan Fakulti Pendidikan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Persoalan integriti merupakan nilai yang amat penting bagi sesebuah negara mencapai kecemerlangan dan hal ini tidak terkecuali bagi institusi pengajian tinggi. Pelan Strategi Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang mahu menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pengajian tinggi menjelang 2020 misalnya, amat bergantung pada sejauh mana kita mampu menerapkan nilai integriti dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Dalam hal ini, pendidikan di Universiti Malaya telah membentuk graduan yang mempunyai daya kepimpinan yang tinggi dalam organisasi, mempraktikkan budaya kerja yang cemerlang, mempunyai jati diri yang tinggi serta penghayatan agama yang mendalam. Penghasilan graduan yang berintegriti ini menjadikan sesebuah universiti bereputasi tinggi dan yang lebih penting, nilai integriti yang tinggi ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kejayaan para graduan hari ini.

Dalam menghadapi gelombang penyebaran fitnah yang semakin melanda, aspek yang menekankan nilai kebenaran wajib diberikan perhatian oleh setiap institusi pendidikan. Mungkin perlu dilukiskan garis pemisah yang membezakan di antara insan berpelajaran dengan insan berpendidikan, iaitu di antara insan berpengetahuan dengan insan berilmu. Insan berpelajaran adalah mereka yang menguasai pelbagai pengetahuan tetapi tidak merasa salah untuk menyalahgunakan pengetahuan bagi kepentingan diri sendiri, meskipun mencetuskan kesengsaraan kepada

insan lain dan kehidupan alam; sementara, insan berpendidikan adalah insan berilmu yang dilengkapi komponen roh, lalu menyedari akan etika dan batas yang wajib dihormati.

Sebagai pusat perkembangan ilmu dan tamadun yang berwibawa dan bertanggungjawab melahirkan cerdik pandai, maka, Universiti Malaya dilihat sebagai satu tempat yang unggul bagi memperkasa nilai integriti ini bagi melahirkan graduan dan tenaga kerja yang mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada negara secara umumnya dan Universiti Malaya khususnya.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Transformasi Nasional 2050 atau lebih dikenali sebagai TN50, merupakan satu gagasan baharu oleh Perdana Menteri buat Malaysia menjelang Tahun 2050. TN50 merupakan satu visi nasional yang akan digalas anak muda bagi merealisasikan agenda Malaysia untuk berkembang pesat sebagai negara maju mengikut acuan dan pemikiran jitu anak watan. Proses ini dijangkakan akan mengambil masa selama 30 tahun dengan matlamat untuk membentuk satu negara bangsa yang benar-benar berwibawa dan cemerlang. Untuk itu, pandangan, input dan cadangan generasi muda daripada pelbagai latar belakang akan diambil kira untuk menjayakannya.

TN50 dilihat sebagai satu manifestasi jelas keterbukaan kerajaan dalam mendengar suara anak muda mengenai hala tuju negara dan bagaimana Malaysia ini harus dibangunkan dalam tempoh kira-kira 30 tahun akan datang. Dasar keterbukaan kerajaan dalam mencorakkan negara dengan mengambil kira pandangan belia generasi muda merupakan wasilah dan mekanisme yang tepat kerana segala dasar dan aspirasi yang dilaksanakan Negara kini semestinya akan memberikan impak yang signifikan kepada landskap Negara pada masa hadapan dari segenap aspek.

TN50 yang bersifat holistik dan inklusif untuk menangani perubahan zaman dan keperluan yang semakin mencabar memerlukan pelaksanaan pembangunan secara menyeluruh untuk memenuhi keperluan rakyat di negara ini. Justeru, masyarakat dan generasi yang akan meneruskan legasi dan kejayaan negara harus mempunyai pemikiran universal.

Selain memacu Malaysia menjadi negara maju, TN50 juga harus bergerak seiring dengan gagasan untuk mewujudkan sebuah negara yang penduduknya berpegang teguh pada nilai-nilai budaya tinggi. Justeru TN50 beraspirasi dan berimpian untuk menjadikan moral dan budaya yang tinggi sebagai dasar falsafah dalam kehidupan masyarakat berbilang bangsa di negara ini.

Selaras dengan gagasan Transformasi 50 dan dengan kedatangan Zaman Industri 4.0, para graduan kita mestilah bersedia untuk berubah dan menyesuaikan diri dengan persekitaran untuk memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja yang kompetitif tanpa sempadan. Malaysia perlu mengenal pasti bidang pengkhususan untuk terus berdaya saing pada peringkat global memandangkan revolusi teknologi industri 4.0 berlandaskan produktiviti dan gerakan industri bermatlamatkan aktiviti nilai tambah tinggi.

Para graduan harus bersiap sedia menghadapi realiti dunia yang kian mencabar bukan sahaja dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran dan ketersediaan fizikal, malahan perlu juga melengkapkan diri dengan akhlak dan budi yang menjadi teras pembinaan roh graduan itu sendiri. Integrasi antara akal dan jiwa itu perlu selari dan dibina bersama.

Kegemilangan Negara pada masa hadapan bukan hanya terletak pada aspek material dan kekayaan yang dimiliki negara, malahan, perlu diimbangi dengan rakyatnya yang tinggi akal dan budinya. Pepatah Cina ada mengatakan bahawa "Andai inginkan kebahagiaan setahun semailah benih, andai inginkan kebahagiaan sepuluh tahun tanamlah pokok, andai inginkan kebahagiaan seratus tahun didiklah manusia".

Para graduan yang diraikan,

Hari ini adalah merupakan hari di mana anda menikmati hasil kejayaan di atas segala usaha gigih, dedikasi dan penat lelah yang telah disemai dan dicurahkan sepanjang tempoh pengajian di Universiti Malaya. Dalam kegembiraan meraikan kejayaan ini, suka saya ingatkan bahawa apa yang dikecapi hari ini, tidak akan terjadi tanpa sokongan, bantuan dan iringan doa kedua ibu bapa, kaum keluarga dan sahabat handai. Selain itu masyarakat sekeliling juga tidak terkecuali dalam menyumbang kepada kejayaan anda dalam apa jua cara.

Oleh itu, ucapkanlah terima kasih kepada mereka ini dengan menyumbang kembali kepada mereka yang telah membantu. Gunakanlah sepenuhnya segala ilmu, kemahiran dan pendedahan yang diperolehi di Universiti Malaya dengan sebaiknya untuk membantu masyarakat dan anak bangsa. Inilah peluang saudara dan saudari mencurahkan bakti, tidak semestinya wang ringgit yang menjadi ukuran tetapi dekatilah mereka dan bawalah perubahan yang akan dapat memajukan lagi masyarakat.

Setelah meninggalkan alam universiti, saudara-saudari berhadapan dengan pilihan, untuk selanjutnya membina watak insan terpelajar dan berpengetahuan atau membina watak insan berpendidikan dan berilmu. Saudara-saudari akan menghadapi pelbagai godaan dan dugaan dalam hasrat mahu membina watak insan berpendidikan, insan berilmu, insan syumul. Dalam menghadapi godaan dan dugaan, saudara-saudari perlu memiliki kekuatan azam, perlu memiliki daya tahan, perlu membina pohon keimanan yang kukuh. Jangan sekalipun terperangkap dengan formula 'kekayaan segera – kemewahan segera'. Bahawa kejayaan, kekayaan dan kemewahan yang dimiliki melalui usaha tulen, melalui titik jerih dan kesabaran, lebih kekal, lebih afdal dan lebih sejahtera sifatnya.

Beringatlah untuk sentiasa bersyukur dan berterima kasih dengan apa yang dikecapi. Gunakanlah segala pendedahan dan pengalaman yang diperolehi untuk membantu perkembangan anda di masa hadapan. Graduan baru ibarat sebiji anak benih yang baru tumbuh, pelbagai dugaan dan cabaran menunggu di luar sana. Bagi mereka yang bersikap positif dan bersemangat kuat, sentiasalah tabah untuk menempuh segala kesulitan yang dihadapi. Kejayaan pasti menanti orang yang tidak mengalah dalam hidup mereka. Kejayaan dikecapi tidak semestinya diukur dari segi kekayaan material, apa yang utama adalah kekayaan rohani individu itu.

Para hadirin dan hadirat,

Sebagai ibu dan bapa, tentunya kita berasa amat berbangga atas kejayaan anak-anak yang kini bergelar graduan. Para graduan yang merupakan harapan bangsa dan negara akan menjadi tenaga kerja yang bakal berhadapan dengan cabaran dunia tanpa sempadan. Mereka perlu matang dan berkemahiran tinggi bagi menghadapi kepelbagaian cabaran yang serba kompleks pada era teknologi tinggi ini. Namun kematangan, kemahiran dan ilmu pengetahuan yang diperolehi

di universiti tidak akan bermakna sekiranya para graduan kita tidak mempunyai akhlak yang mulia.

Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pendorong utama graduan, iaitu ibubapa. Mereka-lah yang sentiasa memberi sokongan padu, dan menghulurkan bantuan kebendaan serta emosi yang diperlukan, dengan sentiasa mendoakan agar anak-anak mereka mencapai kejayaan. Hargailah jasa ibubapa selagi mereka ada, dan sekiranya mereka telah tiada bersama saudara-saudari pada hari ini, carilah amalan untuk mendapat pahala bagi mereka di alam sana. Kepada mereka yang masih ada lagi ibu dan ayah, hormati-lah dan jaga mereka dengan sebaik mungkin. Daripada Riwayat Al Hakim, Rasulullah s.a.w telah bersabda :

“Redha Allah bergantung pada redha dua ibu bapa, dan murka Allah bergantung pada murka kedua-dua ibu bapa.”

Jasa orang tua tidak akan dapat saudara-saudari balas, walau sebanyak mana saudara-saudari memberi perhatian terhadap mereka. Pengorbanan mereka terlalu besar, terhadap anda. Tiada guna saudara-saudari berilmu setinggi langit, jika tidak dapat membahagiakan ibu bapa sebagaimana dia membahagiakan saudara-saudari semasa anda memerlukan perlindungan dari mereka.

Hadirin dan hadirat,

Demi kesejahteraan dan keharmonian negara Malaysia pada masa akan datang, marilah kita semua sama-sama berdoa agar para graduan hari ini kekal menjadi insan yang berakhlak mulia, berintegriti, jujur dan amanah bagi menjamin negara ini sentiasa aman dan sejahtera, terselamat daripada keadaan huru-hara, perpecahan dan sebagainya. Justeru setiap graduan wajib berjuang menegakkan akhlak mulia dan berusaha mencegah dan memerangi apa sahaja gejala kerosakan akhlak yang ada. Jika perkara ini diabaikan, tentu seseorang itu akan rugi dan mendapat kehinaan, baik dalam masyarakat, mahu pun negara.

*Tanam mengkudu di seberang paya
Buluh merimbun di tebing tinggi
Bangsa berilmu bangsa berjaya
Negara dijulung di puncak tinggi*

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, Universiti Malaya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga kampus atas sumbangan yang diberikan

untuk membolehkan Universiti Malaya melonjak kedudukan *ranking* dunia dari tangga 133 pada tahun 2016 ke tangga 114 di dalam *QS World University Rankings 2017*. Syabas & setinggi-tinggi tahniah! Prestasi cemerlang juga diperolehi dalam bidang tertentu di mana Universiti Malaya telah tersenarai dalam kelompok 50 universiti terbaik dunia dalam *QS World University Rankings by Subject 2017* bagi 5 subjek, iaitu Kejuruteraan Elektrik (23), Pengajian Pembangunan (26), Kejuruteraan Mekanikal (33), Kejuruteraan Kimia (38) dan Pendidikan (41) seperti yang telah diumumkan pada 8 Mac 2017. Sementara di peringkat Asia, *ranking* juga telah melonjak dari tangga 27 pada tahun 2016 ke tangga 24 pada tahun 2017.

Tahniah saya ucapkan kepada seluruh tenaga pengajar serta warga Universiti Malaya yang telah bertungkus lumus memberikan khidmat terbaik dalam usaha memastikan proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan terlaksana dengan sempurna.

Kepada tetamu-tetamu kehormat, dif-dif jemputan dan para hadirin sekalian, terima kasih kerana sudi memeriahkan dan menyerikan lagi majlis ini.

Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.*

**PIDATO PENGANUGERAHAN GELARAN PROFESOR EMERITUS
UNTUK
DATUK DR. ZAINAL KLING
DIUCAPKAN OLEH PEMIDATO UMUM
PROFESOR MADYA DR. HANAFI HUSSIN
DEKAN, FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL**

Ahad, 22 Oktober 2017 (Pagi)

Zainal Bin Kling.

*Pohon selasih tumbuh sebatang
Sayang merbah di dahan cemara
Terima kasih dan selamat datang
Kalimah Bismillah pembuka bicara*

*Asal dari Bukit Siguntang
Kisah hikayat tidak terperi
Kami mengucapkan selamat datang
Hadir tuan menambah seri*

Terang benderang sangkar dibuka, Naik merbuk menyambar tali, Jangan lagi kita berteka, Datuk Zainal Klinglah yang berdiri.

Dilahirkan pada 27 November 1944 di Kampong Gadek, Alor Gajah, Melaka. Kembara ilmunya bermula sejak zaman persekolahan (1951-1963) di beberapa buah sekolah di Melaka dan Perak. Datuk Zainal menerima Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) pada tahun 1967 dan Sarjana Sastera pada tahun 1970 dari Fakulti Sastera (sekarang Fakulti Sastera dan Sains Sosial), Universiti Malaya. Kajian-kajian ilmiah diperingkat Ijazah Pertama dan Sarjana mengenai kekeluargaan Melayu dan kepimpinan iaitu *Sistem Penghulu di Melaka Utara* dan *Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara* telah menjadi rujukan hingga ke hari ini. Wacana Melayu beliau dikembangkan lagi sewaktu melanjutkan pengajian Doktor Falsafah di University of Hull, England dari tahun 1970 hingga 1974 dengan kajian yang bertajuk *The Saribas Malays of Sarawak*.

Minat beliau meningkatkan ilmu telah membawa beliau menyertai latihan dan bengkel-bengkel di luar negara seperti *Workshop on Entrepreneurship*, University of Hawai'i (1975), Fellowship, Japan Society for the Promotion of Sciences, University of Kyoto, Japan (1989), Fulbright Fellowship,

Malaysia - US Commission on Education, University of Yale (1993) dan Program for Management Development, Harvard Business School (1995).

*Pokok sentul buah keranji
Dibawa budak waktu pagi
Adakah betul seperti berjanji
Hati tidak berbelah bagi*

Cinta Datuk Zainal Kling terhadap Universiti Malaya begitu mendalam, tidak berbelah bagi, menghabiskan masa selama 42 tahun dengan alma maternya menuntut ilmu dan memberi ilmu. Memulakan kerjaya sebagai Tutor pada tahun 1967 dan terus mencurahkan khidmat baktinya selama 39 tahun di Universiti Malaya. Menjawat jawatan sebagai pensyarah pada bulan Mei 1974 di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial sehinggalah bersara penuh pada tahun 2006. Kejayaan dalam akademik terus digilap, jaringan kerja dipertingkatkan menjadikan beliau sebagai tokoh akademik yang disegani. Dan layak dianugerahkan jawatan Profesor Madya (bulan Mei 1979) dan Profesor bermula pada bulan Mei 1992. Anak Jati Melaka ini terbukti masih terus kuat dan gagah serta bersemangat menabur bakti dalam dunia akademik Tanah Air apabila dilantik sebagai Profesor selepas bersara di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (Disember 2006-Januari 2008).

*Pisang emas dibawa belayar
Masak sebiji di atas peti
Hutang emas boleh dibayar
Hutang budi dibawa mati*

Berpeketi dan berbudi tinggi dalam menabur bakti, sehingga digeruni dan dihargai oleh pelajar-pelajarnya di Jabatan Antropologi dan Sosiologi. Lahir ramainya graduan bermutu tinggi di bawah pengajaran dan seliaannya baik di peringkat Ijazah pertama, Sarjana mahupun Doktor Falsafah.

Legasinya sebagai pemikir mengenai sosio-ekonomi-budaya-politik Melayu kini diteruskan dan dikembangkan oleh anak-anak didiknya yang berada di segenap pelosok negara.

Kajian-kajiannya banyak memberikan sumbangan kepada negara dalam melakukan perancangan dan pelaksanaan pembangunan. Antara kajian-kajian tersebut *Village Profile in Sarawak* (1975), *Socio-economic Survey of Six Villages in Sabah* (1977), *Socio-economic Survey of Ulu Trengganu* (1978), *Ulu Tembeling* (1978), *Ulu Kelantan* (1980), *Tanjung Batu, Bintulu, Sarawak* (1984), *Social Organization Among Swamp Dwellers* (1990-91), *Sarawak Agricultural Development Project* (1990-91), *Social Policy in Sarawak* (1992) dan lain-lain. Kajian-kajian sosio-budaya-politik beliau juga turut memberikan dimensi baru mengenai Masyarakat Melayu dan ketuannya, antaranya *Tamadun Melayu Austronesia* (2001-2007), *Sejarah Perlembagaan Malaysia* (2009-2010), *Malaysian Youth Sub-culture* (2013-2016), *Local Wisdoms and National Identity* (2016) dan lain-lain. Terlalu panjang untuk disebut satu persatu. Kebanyakan hasil kajian ini diterbitkan dalam buku-buku dan juga makalah-makalah dalam jurnal-jurnal berwasit.

*Kalau tuan pergi ke bendang
Jangan dipetik buah rembia
Tuan umpama bulan mengambang
Cahaya meliputi serata dunia*

Dunia akademik bukan sahaja medan teladan, Datuk Zainal juga mempunyai pengalaman yang luas dalam pentadbiran dan kepimpinan di dalam dan di luar Universiti Malaya. Berpengalaman sebagai Ketua Jabatan Antropologi dan Sosiologi

(April 1984-1988) dan sebagai Dekan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial (Jun 1998-November 1999, Oktober 2007-September 2008). Atas sifat kepimpinan beliau yang tinggi, beliau telah dua kali dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (HEP), Universiti Malaya (Disember 1978-April 1982) dan (Mei 1995-Mei 1998).

Di luar Universiti Malaya Datuk Zainal juga turut begiat aktif dan menyumbangkan baktinya kepada masyarakat dan negara dengan bertindak sebagai ahli jawatankuasa, ahli majlis, penasihat, perunding dan sebagainya dalam agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan seperti Askar Wataniah Malaysia, Persatuan Pencegahan Penagih Dadah Malaysia (PEMADAM), Majlis Pembangunan Sosial Sarawak, Muzium Sejarah dan Kebudayaan Melaka, Jabatan Muzium Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia, Kementerian Perpaduan Nasional dan Pembangunan Sosial dan lain-lain.

Bakti dicurah, anugerah dibalas. Menerima Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM), Anugerah Tokoh Maal Hijrah Daerah Alor Gajah, Melaka dan Anugerah Sagang Riau, Indonesia serta Honorary Doctorate in Law, University of Hull, England. Setinggi-tinggi anugerah diberi, tinggi lagi anugerah Ilahi. Amal bakti dicurahi, Datin Satinah binti Sohadi, isteri mithali sentiasa menemani. Empat putera dan puteri serta enam cucu sebagai penyeri kelak bakal mewarisi. Semoga Datuk Zainal Kling dilindungi buat bekalan untuk terus berbakti.

*Jasamu dikenang
Budimu tak terbilang
Semangatmu dijulang
Kepimpinanmu gemilang*

**UCAPAN PENERIMA GELARAN PROFESOR EMERITUS
OLEH
DATUK DR. ZAINAL KLING**

Ahad, 22 Oktober 2017 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Toh Puan Pro Canselor dan hadirin sekalian,

Pada hari yang amat gemilang ini mengingatkan saya mendaftar masuk ke tahun 1 Universiti Malaya pada tahun 1964, untuk mengikuti tiga jurusan pengajian: Ekonomi, Pengajian Melayu dan Pengajian Islam. Cita-cita untuk menjadi ahli ekonomi selepas peperiksaan akhir tahun 1 terlencong ke arah jurusan kebudayaan Pengajian Melayu. Jurusan kebudayaan yang menawarkan pengajian antropologi sosial, kelihatan suatu bidang baru yang cukup kritis daripada kebiasaan pengajian bahasa dan kesusasteraan Melayu pada ketika itu.

Demikianlah saya menelusuri liku-liku bidang pengajian sosio-budaya Melayu yang sekaligus mendalami disiplin ilmu antropologi dan sosiologi sebagai pengajian, pengajaran dan penyelidikan. Tarikan pengajian sains sosial ini ialah kerana relevannya dengan persoalan negara yang bergelut dengan usaha pembinaan sebuah negara bangsa dari kepelbagaian kaum, sistem sosiobudaya dan juga pergolakan politiko-ekonomi semasa. Suasana itu menuntut kejernihan pemikiran untuk membina sebuah kerangka pembangunan yang bermakna. Namun, dengan mendalami persoalan kebudayaan, telah mengarahkan perhatian saya kepada perkembangan kebudayaan dan peradaban Melayu dalam ruang lingkup sejarah yang amat panjang dan wilayah alam yang amat luas.

Mahu tidak mahu, sejarah bangsa Melayu itu harus bermula dari zaman Sriwijaya, dan diperluas pula ke zaman prasejarah yang ribuan tahun sebelum Masehi. Persoalan itu sedang bergolak kini; pentarikan asal-usul budaya Melayu sedang diteliti dengan amat kritis oleh antropologi *genetics*, arkeologi serta linguistik sejarawi. Justeru para pakar sedang mengetengahkan sudut pandangan baru yang amat kontroversi. Dalam pada itu, gagasan tamadun Ibn Khaldun (1332-

1406), di dalam karya agungnya *Muqaddimah* (1375) mempengaruhi kefahaman sejarah saya, dengan takrif berikut: "Suatu hal yang harus diketahui ialah bahawa sejarah, suatu hakikatnya, adalah maklumat tentang organisasi sosial." (DBP, 1995: LXXI).

Dari axiom itu, kita menekuni sejarah bangsa dan budaya Melayu dengan penegasan terhadap organisasi sosial dan institusi sosiopolitik. Pastilah institusi paling sahih dalam sejarah bangsa Melayu itu ialah institusi kerajaan dan raja yang bekesinambungan dalam jangkauan ribuan tahun sehingga kini.

Permulaan penelitiannya ialah perincian terhadap teks dan kandungan kitab terkenal bernama *Sulalatussalatin* sebagai kitab sejarah Melayu yang mengingati kesejarahan itu dari zaman Sriwijaya. Pelbagai pendekatan dilakukan oleh para sarjana Pengajian Melayu umumnya dan ahli sejarah khususnya. Kitab *Sulalatussalatin* pastilah tidak memenuhi ukuran historiografi Ibn Khaldun, kerana perbauran dongeng, legenda dan fakta yang kelihatan tidak munasabah. Namun penelitian saksama sejarah dan teks telah memperlihatkan bahagian-bahagian sejarah yang cukup sahih. Hanya sanya, tradisi penulisan manuskrip Melayu amat kurang merakamkan tarikh, kecuali beberapa. Meskipun demikian, kini telah terhimpun kira-kira 5,000 naskhah manuskrip di Pusat Manuskrip Melayu di Perpustakaan Negara Malaysia.

Aplikasi pelbagai sumber dan disiplin ilmu termasuk filologi, sejarah, arkeologi, antropologi, kajian wilayah, genetiks dan sebagainya, membenarkan kisah-kisah yang termuat di dalam *Sulalatussalatin* itu. Arkeologi prasasti Sriwijaya di Palembang dan juga dokumen sejarah Ming di China serta prasasti Chola di Tanjore, India telah memberikan fakta suatu senarai nama-nama raja dan keturunan Sriwijaya untuk membina suatu kerangka empayar Melayu Sriwijaya yang benar dan sahih dari sudut dokumentasi sejarah. Meskipun senarai itu tidak bersamaan dengan *Sulalatussalatin*, namun dari nama pembuka negeri Dapunta Hyang Sri Jayanasa dalam prasasti Kedukan Bukit (682M)

kepada Sangramavijayottunga (1025M) dalam inskripsi Chola di kuil Rajaraja Tanjore, India (Chola ialah Raja Suran dalam Sulalatussalatin) hingga kepada Srimat Tribhuwanaraja (1286M) di dalam prasasti Padang Roco, Ulu Batang Hari, Sumatera, maka nama terakhir itu, mengarah kepada legenda Demang Lebar Daun dan Sang Sapurba serta Sang Nila Utama dalam teks Melayu.

Gelaran Srimat Tribhuwanaraja adalah berkaitan dengan Sang Nila Utama Seri Tribuana (1299M) pembuka Singapura di Temasik. Demikianlah keturunan kerajaan Singapura membuka pula kerajaan Melaka dan berkelansungan sehingga kedatangan Portugis pada 1511. Keturunan Melaka yang telah berundur ke Siak, Sumatera

pada 1511 itu memulakan pula takhta kerajaan Perak Darul Ridzuan yang berkelansungan sehingga pemegang tampuk pemerintahan terkini. Barangkali, di atas kesinambungan institusi kerajaan Melayu yang sah serta jitu sehingga kini itu, amatlah molek jika sejarah sah Malaysia yang kini sering dipersoal oleh pelbagai pihak, dicermati semula sebaik-baiknya oleh para sejarawan negara di atas teras institusi sosio-politik yang benar dan nyata, di Universiti Malaya ini dengan matlamat menzahirkan sebuah buku sejarah jitu, bernama *Universiti Malaya History of Malaysia* seperti mana negara lain telah menulis siri buku *Cambridge History of British Empire*.

Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah.*

**UCAPAN TOH PUAN PRO-CANSELOR
TOH PUAN DATO' SERI HAJJAH DR. AISHAH ONG**

Ahad, 22 Oktober 2017 (Petang)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia dan izin Allah kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana yang penuh ceria untuk meraikan saat yang amat bermakna bagi para graduan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Siti Norma binti Yaakob atas pelantikan semula sebagai Pro-Canselor Universiti Malaya. Saya yakin dengan khazanah pengetahuan dan himpunan pengalaman yang dimiliki beliau akan dapat membantu kemajuan Universiti.

Para hadirin sekalian,

Istiadat konvokesyen pada petang ini merupakan Bahagian Ketiga daripada tujuh bahagian yang telahpun bermula pada 21 Oktober 2017 dan akan berakhir pada 24 Oktober 2017.

Dalam istiadat konvokesyen kali ini, Universiti Malaya menganugerahkan ijazah kepada 4,867 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian sama ada pada peringkat Ijazah Kedoktoran, Sarjana ataupun Sarjana Muda. Daripada jumlah tersebut, 645 merupakan penerima Ijazah Kedoktoran, 1,795 penerima Ijazah Sarjana dan 2,427 penerima Ijazah Sarjana Muda.

Di samping itu, konvokesyen tahun ini turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Tan Sri Dato' Dr. Lee Shin Cheng, dan juga Ijazah Kehormat Doktor Kemanusiaan kepada Dr. Anthony Crothers Milner. Selain itu, gelaran Profesor Emeritus pula dianugerahkan kepada Datuk Dr. Zainal bin Kling dan Dr. Lin Hai Peng.

Pada petang ini, Universiti Malaya juga akan menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada 708 graduan dalam pelbagai disiplin dan bidang pengajian daripada Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Akademi Pengajian Islam, Fakulti Pergigian, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Akademi Pengajian Melayu, Pusat Kebudayaan dan Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Persoalan integriti merupakan nilai yang amat penting bagi sesebuah negara mencapai kecemerlangan dan hal ini tidak terkecuali bagi institusi pengajian tinggi. Pelan Strategi Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang mahu menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pengajian tinggi menjelang 2020 misalnya, amat bergantung pada sejauh mana kita mampu menerapkan nilai integriti dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Dalam hal ini, pendidikan di Universiti Malaya telah membentuk graduan yang mempunyai daya kepimpinan yang tinggi dalam organisasi, mempraktikkan budaya kerja yang cemerlang, mempunyai jati diri yang tinggi serta penghayatan agama yang mendalam. Penghasilan graduan yang berintegriti ini menjadikan sesebuah universiti bereputasi tinggi dan yang lebih penting, nilai integriti yang tinggi ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kejayaan para graduan hari ini.

Dalam menghadapi gelombang penyebaran fitnah yang semakin melanda, aspek yang menekankan nilai kebenaran wajib diberikan perhatian oleh setiap institusi pendidikan. Mungkin perlu dilukiskan garis pemisah yang membezakan di antara insan berpelajaran dengan insan berpendidikan, iaitu di antara insan berpengetahuan dengan insan berilmu. Insan berpelajaran adalah mereka yang menguasai pelbagai pengetahuan tetapi tidak merasa salah untuk menyalahgunakan pengetahuan bagi kepentingan diri sendiri, meskipun mencetuskan kesengsaraan kepada

insan lain dan kehidupan alam; sementara, insan berpendidikan adalah insan berilmu yang dilengkapi komponen roh, lalu menyedari akan etika dan batas yang wajib dihormati.

Sebagai pusat perkembangan ilmu dan tamadun yang berwibawa dan bertanggungjawab melahirkan cerdik pandai, maka, Universiti Malaya dilihat sebagai satu tempat yang unggul bagi memperkasa nilai integriti ini bagi melahirkan graduan dan tenaga kerja yang mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada negara secara umumnya dan Universiti Malaya khususnya.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Transformasi Nasional 2050 atau lebih dikenali sebagai TN50, merupakan satu gagasan baharu oleh Perdana Menteri buat Malaysia menjelang Tahun 2050. TN50 merupakan satu visi nasional yang akan digalas anak muda bagi merealisasikan agenda Malaysia untuk berkembang pesat sebagai negara maju mengikut acuan dan pemikiran jitu anak watan. Proses ini dijangkakan akan mengambil masa selama 30 tahun dengan matlamat untuk membentuk satu negara bangsa yang benar-benar berwibawa dan cemerlang. Untuk itu, pandangan, input dan cadangan generasi muda daripada pelbagai latar belakang akan diambil kira untuk menjayakannya.

TN50 dilihat sebagai satu manifestasi jelas keterbukaan kerajaan dalam mendengar suara anak muda mengenai hala tuju negara dan bagaimana Malaysia ini harus dibangunkan dalam tempoh kira-kira 30 tahun akan datang. Dasar keterbukaan kerajaan dalam mencorakkan negara dengan mengambil kira pandangan belia generasi muda merupakan wasilah dan mekanisme yang tepat kerana segala dasar dan aspirasi yang dilaksanakan Negara kini semestinya akan memberikan impak yang signifikan kepada landskap Negara pada masa hadapan dari segenap aspek.

TN50 yang bersifat holistik dan inklusif untuk menangani perubahan zaman dan keperluan yang semakin mencabar memerlukan pelaksanaan pembangunan secara menyeluruh untuk memenuhi keperluan rakyat di negara ini. Justeru, masyarakat dan generasi yang akan meneruskan legasi dan kejayaan negara harus mempunyai pemikiran universal.

Selain memacu Malaysia menjadi negara maju, TN50 juga harus bergerak seiring dengan

gagasan untuk mewujudkan sebuah negara yang penduduknya berpegang teguh pada nilai-nilai budaya tinggi. Justeru TN50 beraspirasi dan berimpian untuk menjadikan moral dan budaya yang tinggi sebagai dasar falsafah dalam kehidupan masyarakat berbilang bangsa di negara ini.

Selaras dengan gagasan Transformasi 50 dan dengan kedatangan Zaman Industri 4.0, para graduan kita mestilah bersedia untuk berubah dan menyesuaikan diri dengan persekitaran untuk memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja yang kompetitif tanpa sempadan. Malaysia perlu mengenal pasti bidang pengkhususan untuk terus berdaya saing pada peringkat global memandangkan revolusi teknologi industri 4.0 berlandaskan produktiviti dan gerakan industri bermatlamatkan aktiviti nilai tambah tinggi. Para graduan harus bersiap sedia menghadapi realiti dunia yang kian mencabar bukan sahaja dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran dan ketersediaan fizikal, malahan perlu juga melengkapkan diri dengan akhlak dan budi yang menjadi teras pembinaan roh graduan itu sendiri. Integrasi antara akal dan jiwa itu perlu selari dan dibina bersama.

Kegemilangan Negara pada masa hadapan bukan hanya terletak pada aspek material dan kekayaan yang dimiliki negara, malahan, perlu diimbangi dengan rakyatnya yang tinggi akal dan budinya. Pepatah Cina ada mengatakan bahawa "Andai inginkan kebahagiaan setahun semailah benih, andai inginkan kebahagiaan sepuluh tahun tanamlah pokok, andai inginkan kebahagiaan seratus tahun didiklah manusia".

Para graduan yang diraikan,

Hari ini adalah merupakan hari di mana anda menikmati hasil kejayaan di atas segala usaha gigih, dedikasi dan penat lelah yang telah disemai dan dicurahkan sepanjang tempoh pengajian di Universiti Malaya. Dalam kegembiraan meraikan kejayaan ini, suka saya ingatkan bahawa apa yang dikecapi hari ini, tidak akan terjadi tanpa sokongan, bantuan dan iringan doa kedua ibu bapa, kaum keluarga dan sahabat handai. Selain itu masyarakat sekeliling juga tidak terkecuali dalam menyumbang kepada kejayaan anda dalam apa jua cara.

Oleh itu, ucapkanlah terima kasih kepada mereka ini dengan menyumbang kembali kepada mereka yang telah membantu. Gunakanlah sepenuhnya segala ilmu, kemahiran dan pendedahan yang

diperolehi di Universiti Malaya dengan sebaiknya untuk membantu masyarakat dan anak bangsa. Inilah peluang saudara dan saudari mencurahkan bakti, tidak semestinya wang ringgit yang menjadi ukuran tetapi dekatilah mereka dan bawalah perubahan yang akan dapat memajukan lagi masyarakat.

Setelah meninggalkan alam universiti, saudara-saudari berhadapan dengan pilihan, untuk selanjutnya membina watak insan terpelajar dan berpengetahuan atau membina watak insan berpendidikan dan berilmu. Saudara-saudari akan menghadapi pelbagai godaan dan dugaan dalam hasrat mahu membina watak insan berpendidikan, insan berilmu, insan syumul. Dalam menghadapi godaan dan dugaan, saudara-saudari perlu memiliki kekuatan azam, perlu memiliki daya tahan, perlu membina pohon keimanan yang kukuh. Jangan sekalipun terperangkap dengan formula 'kekayaan segera – kemewahan segera'. Bahawa kejayaan, kekayaan dan kemewahan yang dimiliki melalui usaha tulen, melalui titik jerih dan kesabaran, lebih kekal, lebih afdal dan lebih sejahtera sifatnya.

Beringatlah untuk sentiasa bersyukur dan berterima kasih dengan apa yang dikecapi. Gunakanlah segala pendedahan dan pengalaman yang diperolehi untuk membantu perkembangan anda di masa hadapan. Graduan baru ibarat sebiji anak benih yang baru tumbuh, pelbagai dugaan dan cabaran menunggu di luar sana. Bagi mereka yang bersikap positif dan bersemangat kuat, sentiasalah tabah untuk menempuh segala kesulitan yang dihadapi. Kejayaan pasti menanti orang yang tidak mengalah dalam hidup mereka. Kejayaan dikecapi tidak semestinya diukur dari segi kekayaan material, apa yang utama adalah kekayaan rohani individu itu.

Para hadirin dan hadirat,

Sebagai ibu dan bapa, tentunya kita berasa amat berbangga atas kejayaan anak-anak yang kini bergelar graduan. Para graduan yang merupakan harapan bangsa dan negara akan menjadi tenaga kerja yang bakal berhadapan dengan cabaran dunia tanpa sempadan. Mereka perlu matang dan berkemahiran tinggi bagi menghadapi kepelbagaian cabaran yang serba kompleks pada era teknologi tinggi ini. Namun kematangan, kemahiran dan ilmu pengetahuan yang diperolehi di universiti tidak akan bermakna sekiranya para graduan kita tidak mempunyai akhlak yang mulia.

Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pendorong utama graduan, iaitu ibubapa. Mereka-lah yang sentiasa memberi sokongan padu, dan menghulurkan bantuan kebendaan serta emosi yang diperlukan, dengan sentiasa mendoakan agar anak-anak mereka mencapai kejayaan. Hargailah jasa ibubapa selagi mereka ada, dan sekiranya mereka telah tiada bersama saudara-saudari pada hari ini, carilah amalan untuk mendapat pahala bagi mereka di alam sana. Kepada mereka yang masih ada lagi ibu dan ayah, hormati-lah dan jaga mereka dengan sebaik mungkin. Daripada Riwayat Al Hakim, Rasulullah s.a.w telah bersabda:

“Redha Allah bergantung pada redha dua ibu bapa, dan murka Allah bergantung pada murka kedua-dua ibu bapa.”

Jasa orang tua tidak akan dapat saudara-saudari balas, walau sebanyak mana saudara-saudari memberi perhatian terhadap mereka. Pengorbanan mereka terlalu besar, terhadap anda. Tiada guna saudara-saudari berilmu setinggi langit, jika tidak dapat membahagiakan ibu bapa sebagaimana dia membahagiakan saudara-saudari semasa anda memerlukan perlindungan dari mereka.

Hadirin dan hadirat,

Demi kesejahteraan dan keharmonian negara Malaysia pada masa akan datang, marilah kita semua sama-sama berdoa agar para graduan hari ini kekal menjadi insan yang berakhlak mulia, berintegriti, jujur dan amanah bagi menjamin negara ini sentiasa aman dan sejahtera, terselamat daripada keadaan huru-hara, perpecahan dan sebagainya. Justeru setiap graduan wajib berjuang menegakkan akhlak mulia dan berusaha mencegah dan memerangi apa sahaja gejala kerosakan akhlak yang ada. Jika perkara ini diabaikan, tentu seseorang itu akan rugi dan mendapat kehinaan, baik dalam masyarakat, mahu pun negara.

*Tanam mengkudu di seberang paya
Buluh merimbun di tebing tinggi
Bangsa berilmu bangsa berjaya
Negara dijulung di puncak tinggi*

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, Universiti Malaya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga kampus atas sumbangan yang diberikan untuk membolehkan Universiti Malaya melonjak

kedudukan *ranking* dunia dari tangga 133 pada tahun 2016 ke tangga 114 di dalam *QS World University Rankings 2017*. Syabas dan setinggi-tinggi tahniah! Prestasi cemerlang juga diperolehi dalam bidang tertentu di mana Universiti Malaya telah tersenarai dalam kelompok 50 universiti terbaik dunia dalam *QS World University Rankings by Subject 2017* bagi 5 subjek, iaitu Kejuruteraan Elektrik (23), Pengajian Pembangunan (26), Kejuruteraan Mekanikal (33), Kejuruteraan Kimia (38) dan Pendidikan (41) seperti yang telah diumumkan pada 8 Mac 2017. Sementara di peringkat Asia, *ranking* juga telah melonjak dari tangga 27 pada tahun 2016 ke tangga 24 pada tahun 2017.

Tahniah saya ucapkan kepada seluruh tenaga pengajar serta warga Universiti Malaya yang telah bertungkus lumus memberikan khidmat terbaik dalam usaha memastikan proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan terlaksana dengan sempurna.

Kepada tetamu-tetamu kehormat, dif-dif jemputan dan para hadirin sekalian, terima kasih kerana sudi memeriahkan dan menyeronokkan lagi majlis ini.

Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.*

**PIDATO PENGANUGERAHAN GELARAN PROFESOR EMERITUS
UNTUK
DR. LIN HAI PENG
DIUCAPKAN OLEH PEMIDATO UMUM
DATO' PROFESOR DR. ADEEBA KAMARULZAMAN
DEKAN, FAKULTI PERUBATAN**

Ahad, 22 Oktober 2017 (Petang)

Lin Hai Peng.

Dr. Lin Hai Peng berasal dari Perak dan telah menamatkan pendidikan awalnya di Ipoh. Pada tahun 1965, beliau telah dianugerahkan biasiswa Kerajaan Negeri Perak untuk mengikuti pengajian dalam bidang perubatan dengan menjadi kumpulan kedua pelajar Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan (MBBS) di Fakulti Perubatan, Universiti Malaya yang pada ketika itu Fakulti Perubatan baru berusia dua tahun penubuhannya. Dengan segulung ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan (MBBS) yang dianugerahkan pada tahun 1970, beliau memulakan tugas sebagai doktor pelatih di Hospital Universiti sebelum meneruskan pengajian di peringkat pasca ijazah dalam bidang pediatrik.

Atas kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan, beliau telah ditawarkan untuk melanjutkan pengajian dan berjaya mendapat kelayakan pasca ijazah *Membership of The Royal Physician* (MRCP) (UK) dalam Pediatrik Umum pada tahun 1975. Kecemerlangannya diteruskan dengan mengikuti bidang sub-kepakaran *Paediatric Haematology-Oncology* di University of Glasgow hasil tajaan daripada *Heinz Fellowship* dari Persatuan Pediatrik Britain. Latihan dalam bidang sub kepakaran tersebut membolehkan beliau meraih anugerah *Fellow of the Royal Australasian College of Physician* (FRACP) pada tahun 1980. Dengan pencapaian ini, beliau telah dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor Madya pada tahun 1980 dan Profesor pada tahun 1989.

Dr. Lin Hai Peng telah dilantik sebagai Ketua, Jabatan Pediatrik pada tahun 1991 dan terus

menerajui Jabatan tersebut sehingga tahun 2001. Dalam tempoh tersebut, Pusat Pediatrik Tertier telah dibangunkan sebagai sebuah hub pengajaran, perawatan pesakit dan penyelidikan dalam bidang pediatrik di Malaysia. Dengan aktiviti pengajaran dan penyelidikan yang dijalankan, program Sarjana Pediatrik telah ditawarkan buat pertama kali di Malaysia pada tahun 1996 dan sekaligus menjadikan Universiti Malaya sebagai universiti pertama diberi pengiktirafan untuk mengendalikan peperiksaan Bahagian II, *Membership of The Royal Physician* (MRCP) (UK) dalam bidang Pediatrik.

Selaku pakar dalam bidang *Paediatric Haematology Oncology* dan *Bone Marrow Transplantation (BMT)*, beliau yang juga pengasas bagi *Haemotopoietic Stem Cell Transplantation* (HSCT) di Malaysia, telah melakar sejarah dalam rawatan kanser kanak-kanak dengan berjaya melakukan pembedahan BMT yang pertama di Malaysia pada 10 Mac 1987. Beliau juga berjaya melakukan *Peripheral Blood Stem Cell Transplantation* dari Mac 1997 dan *Cord Blood Transplantation* dari Julai 1997.

Hasil kolaborasi dan penyelidikan di peringkat antarabangsa, beliau telah diberi kepercayaan bagi menerajui *Malaysian College of Paediatrics*; *Malaysian Society of Paediatric Oncology* dan *National Specialist Registry (NSR) for Paediatric Hematology Oncology*. Setelah berkhidmat selama 29 tahun di Universiti Malaya, beliau telah meneruskan kelangsungan kepakarannya di *Sime Darby Medical Center (SDMC)*.

**UCAPAN PENERIMA GELARAN PROFESOR EMERITUS
OLEH
DR. LIN HAI PENG**

Ahad, 22 Oktober 2017 (Petang)

Salam sejahtera saya ucapkan kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong, Pro-Canselor, Universiti Malaya, dif-dif kehormat, tuan-tuan, puan-puan dan graduan yang saya muliakan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Malaya kerana menganugerahkan gelaran Profesor Emeritus yang berprestij kepada saya. Sepanjang saya berkhidmat di Universiti Malaya selama 29 tahun, saya telah mencapai kerjaya yang begitu memuaskan dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pensyarah dan profesor yang telah mengajar saya. Saya harap saya telah dapat menyampaikan pengetahuan dan pengalaman yang saya perolehi kepada pelajar- pelajar saya.

YBhg. Toh Puan Pro-Canselor,

Izinkan saya berucap dalam Bahasa Inggeris.

I had the privilege to treat children with cancer at a time when there were rapid advances in Paediatric Oncology. It was most satisfying to cure children of the cancer which was previously fatal.

What I treasure most is pioneering Blood and Bone Marrow Transplantation in the country from 30 years ago in 1987. It offers the chance of cure for many cancers and even non-malignant disorders. This was a major breakthrough especially for financially disadvantaged Malaysians who would otherwise not be able to afford treatment.

I would like to thank everyone in UM and UMMC who had helped me in my duties as Head of Department of Pediatrics for 10 years. I would especially like to thank the staff in UMMC who have contributed greatly to the success of our childhood cancer and Bone Marrow Transplantation Programs.

Most of all, I wish to thank my wife and my three daughters for their very strong and unwavering support. They have made it possible for me to achieve so much in my career.

Saya gembira menerima Anugerah Profesor Emeritus yang berprestij ini dari Universiti Malaya.

Sekian, terima kasih.

**UCAPAN TAN SRI PRO-CANSELOR
TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB**

Isnin, 23 Oktober 2017 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia dan izin Allah kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana yang penuh ceria untuk meraikan saat yang amat bermakna bagi para graduan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya ini.

Para hadirin sekalian,

Istiadat konvokesyen pada pagi ini merupakan Bahagian Keempat daripada tujuh bahagian yang telahpun bermula pada 21 Oktober 2017 dan akan berakhir pada 24 Oktober 2017.

Dalam istiadat konvokesyen kali ini, Universiti Malaya menganugerahkan ijazah kepada 4,867 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian sama ada pada peringkat Ijazah Kedoktoran, Sarjana ataupun Sarjana Muda. Daripada jumlah tersebut, 645 merupakan penerima Ijazah Kedoktoran, 1,795 penerima Ijazah Sarjana dan 2,427 penerima Ijazah Sarjana Muda.

Di samping itu, konvokesyen tahun ini turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Tan Sri Dato' Dr. Lee Shin Cheng dan juga Ijazah Kehormat Doktor Kemanusiaan kepada Dr. Anthony Crothers Milner. Selain itu, gelaran Profesor Emeritus pula dianugerahkan kepada Datuk Dr. Zainal bin Kling dan Dr. Lin Hai Peng.

Pada pagi ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada 327 graduan dan Ijazah Sarjana Muda kepada 457 graduan dalam pelbagai disiplin dan bidang pengajian daripada Institut Asia Eropah, Institut Kepimpinan Pendidikan, Fakulti Alam Bina, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat dan Fakulti Sains.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Persoalan integriti merupakan nilai yang amat penting bagi sesebuah negara mencapai kecemerlangan dan hal ini tidak terkecuali bagi institusi pengajian tinggi. Pelan Strategi Pengajian Tinggi Negara yang mahu menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pengajian tinggi menjelang 2020 misalnya, amat bergantung pada sejauh mana kita mampu menerapkan nilai integriti dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Dalam hal ini, pendidikan di Universiti Malaya telah membentuk graduan yang mempunyai daya kepimpinan yang tinggi dalam organisasi, mempraktikkan budaya kerja yang cemerlang, mempunyai jati diri yang tinggi serta penghayatan agama yang mendalam. Penghasilan graduan yang berintegriti ini menjadikan sesebuah universiti bereputasi tinggi dan yang lebih penting, nilai integriti yang tinggi ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kejayaan para graduan hari ini.

Dalam menghadapi gelombang penyebaran fitnah yang semakin melanda, aspek yang menekankan nilai kebenaran wajib diberikan perhatian oleh setiap institusi pendidikan. Mungkin perlu dilukiskan garis pemisah yang membezakan di antara insan berpelajaran dengan insan berpendidikan, di antara insan berpengetahuan dengan insan berilmu. Insan berpelajaran mungkin menguasai pelbagai pengetahuan tetapi tidak merasa salah untuk menyalahgunakan pengetahuan bagi kepentingan diri sendiri, meski mencetuskan kesengsaraan kepada insan lain dan kehidupan alam; sementara insan berpendidikan adalah insan berilmu yang dilengkapi komponen roh, lalu menyedari akan etika dan batas yang wajib dihormati.

Sebagai pusat perkembangan ilmu dan tamadun yang berwibawa dan bertanggungjawab melahirkan cerdik pandai, Universiti Malaya dilihat sebagai satu tempat yang unggul bagi memperkasa nilai

integriti ini bagi melahirkan graduan dan tenaga kerja yang mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada negara secara umumnya dan Universiti Malaya khususnya.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Transformasi Nasional 2050 atau lebih dikenali sebagai TN50, merupakan satu gagasan baharu oleh Perdana Menteri buat Malaysia menjelang Tahun 2050. TN50 merupakan satu visi nasional yang akan digalas anak muda bagi merealisasikan agenda Malaysia untuk berkembang pesat sebagai negara maju mengikut acuan dan pemikiran jitu anak watan. Proses ini dijangkakan akan mengambil masa selama 30 tahun dengan matlamat untuk membentuk satu negara bangsa yang benar-benar berwibawa cemerlang. Untuk itu, pandangan, input dan cadangan generasi muda daripada pelbagai latar belakang akan diambil kira untuk menjayakannya.

TN50 dilihat sebagai satu manifestasi jelas keterbukaan kerajaan dalam mendengar suara anak muda mengenai hala tuju negara dan bagaimana Malaysia ini harus dibangunkan dalam tempoh kira-kira 30 tahun akan datang. Dasar keterbukaan kerajaan dalam mencorakkan negara dengan mengambil kira pandangan belia generasi muda merupakan wasilah dan mekanisme yang tepat kerana segala dasar dan aspirasi yang dilaksanakan Negara kini semestinya akan memberikan impak yang signifikan kepada landskap Negara pada masa hadapan dari segenap aspek.

TN50 yang bersifat holistik dan inklusif untuk menangani perubahan zaman dan keperluan yang semakin mencabar memerlukan pelaksanaan pembangunan secara menyeluruh untuk memenuhi keperluan rakyat di negara ini. Justeru, masyarakat dan generasi yang akan meneruskan legasi dan kejayaan negara harus mempunyai pemikiran universal.

Selain memacu Malaysia menjadi negara maju, TN50 juga harus bergerak seiring dengan gagasan untuk mewujudkan sebuah negara yang penduduknya berpegang teguh pada nilai-nilai budaya tinggi. Justeru TN50 beraspirasi dan berimpian untuk menjadikan moral dan budaya yang tinggi sebagai dasar falsafah dalam kehidupan masyarakat berbilang bangsa di negara ini.

Selaras dengan gagasan TN50 dan dengan kedatangan Zaman Industri 4.0, para graduan

kita mestilah bersedia untuk berubah dan menyesuaikan diri dengan persekitaran untuk memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja yang kompetitif tanpa sempadan. Malaysia perlu mengenal pasti bidang pengkhususan untuk terus berdaya saing pada peringkat global memandangkan revolusi teknologi industri berlandaskan produktiviti dan gerakan industri bermatlamatkan aktiviti nilai tambah tinggi.

Para graduan harus bersiap sedia menghadapi realiti dunia yang kian mencabar bukan sahaja dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran dan ketersediaan fizikal dengan kehendak pasaran pekerjaan malahan perlu juga melengkapkan diri dengan akhlak dan budi yang menjadi teras pembinaan roh graduan itu sendiri. Integrasi antara akal dan jiwa itu perlu selari dan dibina bersama kerana tidak mungkin modal insan yang cemerlang, tinggi inteleknnya, mantap spiritualnya mampu dilahirkan andai kata salah satu elemen ini dipinggirkan.

Kegemilangan Negara pada masa hadapan bukan hanya terletak pada aspek material dan kekayaan yang dimiliki negara malahan perlu diimbangi dengan rakyatnya yang tinggi akal dan budinya. Pepatah Cina ada mengatakan bahawa "Andai inginkan kebahagiaan setahun semailah benih, andai inginkan kebahagiaan sepuluh tahun tanamlah pokok, andai inginkan kebahagiaan seratus tahun didiklah manusia".

Para graduan yang diraikan,

Hari ini adalah merupakan hari di mana anda menikmati hasil kejayaan di atas segala usaha gigih, dedikasi dan penat lelah yang telah disemai dan dicurahkan sepanjang tempoh pengajian di Universiti Malaya. Dalam kegembiraan meraikan kejayaan ini, suka saya ingatkan bahawa apa yang dikecapi hari ini, tidak akan terjadi tanpa sokongan, bantuan dan iringan doa kedua ibu bapa, kaum keluarga dan sahabat handai. Selain itu masyarakat sekeliling juga tidak terkecuali dalam menyumbang kepada kejayaan anda dalam apa jua cara.

Oleh itu, ucapkanlah terima kasih kepada mereka ini dengan menyumbang kembali kepada mereka yang telah membantu. Gunakanlah sepenuhnya segala ilmu, kemahiran dan pendedahan yang diperolehi di Universiti Malaya dengan sebaiknya untuk membantu masyarakat dan anak bangsa. Inilah peluang saudara dan saudari mencurahkan bakti, tidak semestinya wang ringgit yang menjadi ukuran tetapi dekatilah mereka dan bawalah

perubahan yang akan dapat memajukan lagi masyarakat.

Setelah meninggalkan alam universiti, saudara-saudari berhadapan dengan pilihan, untuk selanjutnya membina watak insan terpelajar dan berpengetahuan atau membina watak insan berpendidikan dan berilmu. Saudara-saudari akan menghadapi pelbagai godaan dan dugaan dalam hasrat mahu membina watak insan berpendidikan, insan berilmu, insan syumul. Dalam menghadapi godaan dan dugaan, saudara-saudari perlu memiliki kekuatan azam, perlu memiliki daya tahan, perlu membina pohon keimanan yang kukuh. Jadikan ingatan untuk tidak mudah terperangkap dengan formula 'kejayaan segera – kekayaan segera – kemewahan segera - kekuasaan segera'. Bahawa kejayaan, kekayaan, kemewahan dan kekuasaan yang dimiliki melalui usaha tulen, melalui titik jerih dan kesabaran, lebih kekal, lebih afdal dan lebih sejahtera sifatnya.

Beringatlah untuk sentiasa bersyukur dan berterima kasih dengan apa yang dikecapi. Gunakanlah segala pendedahan dan pengalaman yang diperolehi untuk membantu perkembangan anda di masa hadapan. Graduan baru ibarat sebiji anak benih yang baru tumbuh, pelbagai dugaan dan cabaran menunggu di luar sana. Bagi mereka yang bersikap positif dan bersemangat kuat, sentiasalah tabah untuk menempuh segala kesulitan yang dihadapi. Kejayaan pasti menanti orang yang tidak mengalah dalam hidup mereka. Kejayaan dikecapi tidak semestinya diukur dari segi kekayaan material, apa yang utama adalah kekayaan rohani individu itu.

Para hadirin dan hadirat,

Sebagai ibu dan bapa, tentunya kita berasa amat bangga atas kejayaan anak-anak yang kini bergelar graduan. Para graduan yang merupakan harapan bangsa dan negara akan menjadi tenaga kerja yang bakal berhadapan dengan cabaran dunia tanpa sempadan. Mereka perlu matang dan berkemahiran tinggi bagi menghadapi kepelbagaian cabaran yang serba kompleks pada era teknologi tinggi ini. Namun kematangan, kemahiran dan ilmu pengetahuan yang diperoleh di universiti tidak akan bermakna sekiranya para graduan kita tidak mempunyai akhlak yang mulia.

Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pendorong graduan terutamanya ibubapa yang sentiasa memberi sokongan padu, menghulurkan bantuan kebendaan dan emosi yang diperlukan

tanpa mengira tahap kemampuan diri, dan lebih-lebih lagi sentiasa mendoakan kesejahteraan anak-anak mereka siang dan malam, untuk memastikan anak-anak terus tekun untuk belajar dan akhirnya mencapai kejayaan yang dinantikan. Hargailah jasa ibu bapa selagi mereka ada, dan sekiranya mereka telah tiada bersama saudara-saudari pada hari ini carilah amalan untuk pahala ibu dan bapa kita di alam sana. Kepada yang masih ada lagi ibu dan ayah, tolonglah hormati dan jaga mereka sebaiknya.

Jasa orang tua tidak akan dapat saudara-saudari balas, walau sebanyak mana saudara-saudari memberi perhatian terhadap mereka. Pengorbanan mereka terlalu besar, terhadap anda. Tiada guna saudara-saudari berilmu setinggi langit, jika tidak dapat membahagiakan ibu bapa sebagaimana dia membahagiakan saudara-saudari semasa anda memerlukan perlindungan darinya.

Hadirin dan hadirat,

Demi kesejahteraan dan keharmonian negara Malaysia pada masa akan datang, marilah kita semua sama-sama berdoa agar para graduan hari ini kekal menjadi insan yang berakhlak mulia, berintegriti, jujur dan amanah bagi menjamin negara ini sentiasa aman dan sejahtera, terselamat daripada keadaan huru-hara, perpecahan dan sebagainya. Justeru setiap graduan wajib berjuang menegakkan akhlak mulia dan berusaha mencegah dan memerangi apa sahaja gejala kerosakan akhlak yang ada. Jika perkara ini diabaikan, tentu seseorang itu akan rugi dan mendapat kehinaan, baik dalam masyarakat, mahu pun negara.

*Tanam mengkudu di seberang paya
Buluh merimbun di tebing tinggi
Bangsa berilmu bangsa berjaya
Negara dijulung di puncak tinggi*

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, Universiti Malaya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga kampus atas sumbangan yang diberikan untuk membolehkan Universiti Malaya melonjak kedudukan *ranking* dunia dari tangga 133 pada tahun 2016 ke tangga 114 di dalam QS *World University Rankings* 2017. Prestasi cemerlang juga diperoleh dalam bidang tertentu dan Universiti Malaya telah tersenarai dalam kelompok 50 universiti terbaik dunia dalam QS *World University Rankings by Subject* 2017 bagi 5 subjek, iaitu Kejuruteraan Elektrik, Pengajian Pembangunan, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Kimia, dan

Pendidikan seperti yang telah diumumkan pada 8 Mac 2017. Sementara di peringkat Asia, *ranking* juga telah melonjak dari tangga 27 pada tahun 2016 ke tangga 24 pada tahun 2017.

Tahniah saya ucapkan kepada Profesor Tan Sri Dato' Sri Dr. Zakri Abdul Hamid, Datuk Profesor Dr. Awg. Bulgiba Awg. Mahmud, Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Universiti, Profesor, Dekan dan seluruh tenaga pengajar serta warga Universiti Malaya yang sedia ada mahupun warga dan tenaga pengajar sebelum ini yang telah bertungkus lumus memberikan khidmat terbaik

dalam usaha memastikan proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan terlaksana dengan sempurna di Universiti Malaya, dan memastikan UM mengekalkan kedudukannya sebagai universiti terulung di Malaysia.

Kepada tetamu-tetamu kehormat, dif-dif jemputan dan para hadirin sekalian, terima kasih kerana sudi memeriahkan dan menyerikan lagi majlis ini.

Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.*

**PIDATO PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT
DOKTOR SAINS
UNTUK
TAN SRI DATO' DR. LEE SHIN CHENG
DIUCAPKAN OLEH PEMIDATO UMUM
PROFESOR DR. ZANARIAH ABDULLAH
DEKAN, FAKULTI SAINS**

Isnin, 23 Oktober 2017 (Pagi)

Lee Shin Cheng.

Tan Sri Dato' Lee Shin Cheng dilahirkan pada 3 Jun, 1939 dan dibesarkan di dalam ladang getah di daerah Jeram, Selangor. Ayahnya menjalankan perniagaan kecil-kecilan dengan membuka sebuah kedai makan. Beliau pernah berhenti sekolah seawal umurnya 11 tahun untuk membantu keluarganya dengan menjual aiskrim dengan menggunakan basikal selama 4 tahun.

Menyedari hanya melalui pendidikan seseorang itu boleh keluar dari sangkar kemiskinan, Tan Sri Dato' Lee Shin Cheng kemudiannya menyambung persekolahannya semula. Pada usia 22 tahun, beliau telah memohon pekerjaan sebagai seorang penyelia dengan Dunlop Estate, sebuah syarikat ladang kelapa sawit, tetapi telah ditolak dengan alasan beliau tidak fasih berbahasa Inggeris. Namun, beliau tidak berputus asa dan cuba memohon lagi pekerjaan sebagai seorang penyelia di syarikat kelapa sawit yang lain dan permohonan beliau telah diterima. Ini semua memperlihatkan minat beliau yang sangat mendalam mengenai perladangan tanaman kelapa sawit. Malah, beliau amat dikenali sering bercakap dengan pokok-pokok kelapa sawit dan menganggap pokok-pokok tersebut seperti "teman wanita" beliau.

Penat lelahnya selepas lebih 20 tahun bekerja berbaloi apabila berjaya membeli Dunlop Estate pada tahun 1989. Kenyataan ini dibuat semasa temuramah beliau dengan akhbar New Straits Times; "Hari yang paling mengembirakan saya ialah pada tahun 1989 bila saya membeli Dunlop Estate daripada Multi-Purpose Holdings Bhd. Ini kerana semasa tahun 1960-an, saya telah memohon pekerjaan di Dunlop Estate tetapi mereka tidak mengambil saya bekerja disebabkan saya tidak mempunyai kelayakan akademik

yang cukup. Sekiranya mereka mengambil saya bekerja, hari ini mungkin saya tidak akan dapat memiliki kesemua aset Dunlop Estate. Pembelian ini mencatatkan satu peristiwa yang amat penting di dalam hidup saya," katanya.

Kini, Tan Sri Dato' Lee Shin Cheng lebih dikenali sebagai seorang usahawan Malaysia dan telah terlibat secara mendalam di dalam industri perladangan selama lebih 56 tahun, iaitu bermula sebagai Penyelia Ladang pada 1 Januari, 1961. Beliau mengetuai IOI Corporation Berhad (lebih dikenali sebagai IOI Group) sebagai Pengerusi Eksekutif. IOI adalah syarikat perladangan yang bermula pada tahun 1982 dan dalam tempoh 30 tahun sahaja, IOI telah berkembang pesat untuk menjadi salah satu syarikat perladangan kelapa sawit yang terbesar di dunia, serta beroperasi di tujuh buah negara. IOI Group yang kini tersenarai di Bursa Malaysia, adalah salah satu daripada konglomerat dunia yang menerajui pengurusan ladang minyak kelapa sawit, khususnya mengenai lemak, oleokimia dan aktiviti pembangunan hartanah di Malaysia, Indonesia, Amerika Syarikat dan Eropah. Kilang penapisan minyak sawit IOI di Rotterdam, Netherlands, merupakan kilang penapisan minyak sawit yang terbesar di Eropah. Ladang kelapa sawit IOI di Malaysia dan Indonesia mengeluarkan minyak sawit dan juga minyak kernel yang digunakan untuk membuat sabun, pembersih, bahan kosmetik dan bahan penambah dalam makanan. IOI Group juga merupakan peneraju bidang pembangunan hartanah di Malaysia, dan antara projeknya termasuk bandar pelabuhan, pusat membeli-belah, kondominium, menara pejabat dan pusat perangan.

Sebagai menghargai sumbangan Tan Sri Dato' Lee Shin Cheng dalam bidang industri hartanah

di Malaysia, beliau telah dianugerahkan dengan FIABCI Malaysia Property "Man of the Year 2001 Award". Manakala pada Februari 2002, beliau telah dikurniakan dengan "Honorary Doctorate Degree in Agriculture" oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai pengiktirafan di atas sumbangan beliau kepada industri kelapa sawit.

Tan Sri Dato' Lee Shin Cheng juga telah berkhidmat antaranya sebagai Ahli Lembaga Universiti Putra Malaysia (UPM), Penasihat kepada KL & Selangor

Chinese Chamber of Commerce and Industry, Ahli Majlis untuk Malaysian Palm Oil Association (MPOA), Ahli Malaysia-China Business Council, Presiden Kehormat untuk Association of Eng Choon Societies of Malaysia dan Federation of Hokkien Association of Malaysia. Sejak tahun 1998, Tan Sri Dato' Lee Shin Cheng juga telah menyediakan biasiswa kepada pelajar-pelajar cemerlang menerusi Yayasan Tan Sri Dato' Lee Shin Cheng.

**UCAPAN PENERIMA ANUGERAH IJAZAH KEHORMAT
DOKTOR SAINS
OLEH
TAN SRI DATO' DR. LEE SHIN CHENG**

Isnin, 23 Oktober 2017 (Pagi)

Yang Amat Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, Pro-Canselor Universiti Malaya,

Yang Berbahagia Datuk Professor Dr. Awang Bulgiba Awang Mahmud, *Acting Vice-Chancellor* Universiti Malaya,

Professor Dr. Zanariah Abdullah, *Dean Faculty of Science*, Universiti Malaya,

Para Profesor, para graduan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Salam sejahtera.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuanku Canselor, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzudin Shah kerana keizinan baginda untuk upacara penganugerahan ini berlangsung.

Pada pagi ini, saya amat bersyukur dan berterima kasih atas penghormatan yang diberikan untuk berada di pentas ini, untuk menerima Ijazah Kehormat – Doktor Sains.

Saya dengan rasa bangga dan berbesar hati ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Pro-Canselor, Siti Norma Yaakob dan Yang Berbahagia Datuk Profesor Dr. Awang Bulgiba Awang Mahmud, di atas penganugerahan pada hari ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Universiti Malaya, Fakulti Sains di atas sokongan yang ternilai kepada penganugerahan ini.

Pencapaian saya pada hari ini, adalah hasil sokongan daripada ahli keluarga dan rakan sekerja saya di IOI dalam usaha memajukan sektor perladangan kelapa sawit serta pelaburan hartanah.

Ladies and gentlemen,

Allow me to share my life story with you. I grew up in a rubber plantation in Jeram, Kuala Selangor where my late father ran a small sundry shop, catering to the workers' needs.

I stopped schooling at the age of 11 to support my family by selling ice cream for 4 years. Every day, I rode on a bicycle that was higher and heavier than me.

At the back of the bicycle would be a big box of ice cream. The box was very heavy because it contained two layers. The inner layer contained ice cream, the outer layer contained blocks of ice and salt water wrapped around the box to keep the ice cream from melting.

Sometimes, when it rained, the road became muddy and the bicycle wheels would get stuck in the mud.

When this happened, I knew I couldn't balance the bicycle anymore. I had to quickly jump off my bicycle and held the ice cream box with my shoulder, to prevent the heavy box from falling. The bicycle could fall, I could fall but not the ice cream box because it contained my livelihood.

In those days, there was less traffic and passers-by. Sometimes, when I got stuck, I had to hold the heavy box and bicycle for 10, 15 minutes until someone came along to help me. It was on one of those occasions, that I realized the only way to change my life is to stop selling ice cream and to go back to school. I believed that "education" is the only way to change my life. Therefore, I went back to school and studied up to senior middle two.

The harsh and tough environment I was exposed to at my young age helped to build my strong and pioneering spirit.

After schooling, I applied for a supervisory job with an English based plantation company (Dunlop Estate).

At that time, most of the plantation companies were managed by Orang Putih. I had an opportunity for interview but was rejected by the English manager because my English was not good enough.

However, 27 years later, I bought over Dunlop estates and all its assets.

After I was rejected by the English Manager, I did not give up. I then found a field supervisor job at another smaller plantation. It was no smooth sail to success. I gave my best at work and constantly reminded myself that I had to learn as much as possible. I worked my way up from a supervisor to a full-fledged estate manager. As a manager, I picked up even more skills from planning planting schedules, estate management and even building quarters and water supply for estate workers.

All these experiences and skills contributed to my success in the later years. To gain success, you need to have a strong desire and the courage to dream.

You have to lead with your heart as well as your mind.

Thinking back now, going through hard times in my early age doesn't seem so bad after all.

In fact, it was one of the best experiences in my life. This challenge made me a stronger person. Please bear in mind that you cannot let the fear of failure stop you from doing the things that will make you successful.

One cannot succeed without the risk of failure. Nothing is easy in life, what you need to do is keep moving forward. That's how one wins!

Ladies and gentlemen,

Life is very challenging. We must turn challenges into opportunities, to test us and bring us to the next level through innovation and sustainable way.

Para hadirin sekalian, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan yang telah berjaya dalam pengajian bidang masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PIDATO PENGENALAN DAN PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA MUDA
KEPADA PENERIMA ANUGERAH PELAJARAN DIRAJA
UNTUK
SAUDARI NUR HANA BINTI MOHAMED ARIFFIN
DIUCAPKAN OLEH PEMIDATO UMUM
DATUK PROFESOR DR. AWG BULGIBA AWG MAHMUD
YANG MENJALANKAN FUNGSI SEBAGAI NAIB CANCELOR**

Isnin, 23 Oktober 2017 (Pagi)

Yang Berbahagia Tan Sri Pro-Canselor,
Izinkan saya memperkenalkan penerima Anugerah Pelajaran DiRaja.

Nur Hana Binti Mohamed Ariffin.

Nur Hana binti Mohamed Ariffin yang dilahirkan pada 1 Julai 1994, adalah anak kelahiran Kuala Lumpur. Beliau merupakan anak bongsu daripada tiga orang adik-beradik hasil perkongsian hidup Encik Mohamed Ariffin bin Abdullah Sani, seorang pesara dari sektor swasta, dan Puan Nor Arfidah binti Noor Hashim, seorang suri rumah dan pesara dari syarikat guaman swasta.

Nur Hana memulakan alam persekolahannya di Sekolah Kebangsaan USJ 2, Subang Jaya, Selangor dan Sekolah Kebangsaan Puteri, Seremban, Negeri Sembilan. Di peringkat menengah beliau menerima pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri, Seremban, Negeri Sembilan. Kecemerlangan beliau dalam Sijil Pelajaran Malaysia telah melayakkan Nur Hana mengikuti program Asasi di Pusat Asasi Sains Universiti Malaya sebelum melanjutkan pelajarannya di Universiti Malaya dalam Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem dan Pengurusan Maklumat). Nur Hana merupakan penerima biasiswa Persatuan Alumni Universiti Malaya. Berkat usaha dan kegigihan beliau dengan dorongan keluarga serta tenaga pengajar, Nur Hana telah berjaya menerima Anugerah Dekan sebanyak empat (4) kali.

Peluang yang terbuka luas sebagai seorang mahasiswa telah dimanfaatkan sepenuhnya melalui penglibatan aktif beliau di peringkat Universiti, di dalam Negara dan di peringkat antarabangsa.

Di peringkat Universiti, Nur Hana merupakan penyampai radio kampus, yang dikenali sebagai UMalaya Radio pada tahun 2013 dan 2014. Bakat beliau juga diserlahkan melalui penglibatan dalam Karnival Teater Universiti Malaya dan pernah tercalon sebagai Pelakon Wanita Harapan pada tahun 2014. Tidak hanya di pentas lakonan, Nur Hana juga berbakat dalam bidang keusahawanan serta melibatkan diri dengan pelbagai program Siswapreneur anjuran *University of Malaya Entrepreneurship Centre (UMEC)*.

Minat dan kesungguhan Nur Hana untuk membantu insan lain mendorong beliau untuk turut serta dalam aktiviti sukarelawan. Beliau merupakan sukarelawan dalam Yayasan Sukarelawan Siswa Kementerian Pendidikan Tinggi dan antara program yang beliau sertai adalah misi sukarelawan di Savannakhet, Laos PDR pada tahun 2015. Dalam misi tersebut, beliau telah dilantik sebagai Ketua Kluster ICT dan beliau telah menyampaikan tutorial ICT kepada lebih 450 pelajar sekolah dan 10 guru-guru di Laos.

Penyertaan beliau dalam *ASEAN Young Leaders Summit 2015* anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS) di Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur membolehkan Nur Hana mencadangkan manifesto yang berkaitan dengan misi sukarelawan. Nur Hana juga merupakan sukarelawan bagi membantu kanak-kanak di Pusat Pendidikan Rohingya, Klang, Selangor.

Di peringkat antarabangsa, Nur Hana mendapat pelbagai pendedahan antaranya penyertaan dalam *Global Korean Scholarship (GKS) for ASEAN Countries' Science and Engineering Students (2015)*, iaitu satu program pertukaran pelajar selama dua (2) bulan di Dankook University, South

Korea. Melalui program pertukaran pelajar ini Nur Hana menerima Anugerah Kecemerlangan bagi pembentangan projek penyelidikannya.

Selain itu, Nur Hana adalah perintis bagi *MyASEAN Internship* yang merupakan kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan *Talent Corporation Malaysia*. Melalui program ini beliau berpeluang menjalani Latihan Industri selama 6 bulan di Maybank, Kuala Lumpur dan Maybank Hanoi, Vietnam.

Kini, Nur Hana telah pun memulakan kerjaya beliau sebagai *Business and Integration Analyst*,

di Accenture Malaysia yang merupakan sebuah syarikat bertaraf dunia.

Saya yakin, dengan pengalaman dan kebolehan yang ada pada diri Nur Hana, beliau pasti akan memberi sumbangan yang bermakna kepada masyarakat dan negara, seterusnya menjadi sumber inspirasi kepada golongan muda yang lain.

Mohon izin Yang Berbahagia Tan Sri Pro-Canselor, menganugerahkan kepada Nur Hana Binti Mohamed Ariffin, Anugerah Pelajaran DiRaja dan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem dan Pengurusan Maklumat).

**UCAPAN PENERIMA ANUGERAH PELAJARAN DIRAJA
OLEH
SAUDARI NUR HANA BINTI MOHAMED ARIFFIN**

Isnin, 23 Oktober 2017 (Pagi)

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob
Pro-Canselor, Universiti Malaya

Datuk Profesor Dr. Awg Bulgiba Awg Mahmud
Pemangku Naib Canselor, Universiti Malaya

Ahli-Ahli Pengurusan dan kakitangan Universiti Malaya, para ibu bapa, tetamu-tetamu dan para graduan yang diraikan sekalian.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanawata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya, maka saya, Nur Hana Binti Mohamed Ariffin, berdiri di sini pada hari yang berbahagia ini untuk menerima Anugerah Pelajaran DiRaja. Saya amat bersyukur dan berbesar hati dengan penganugerahan ini dan ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada pihak Universiti Malaya.

Writing this speech brought back a lot of memories, it sparked an epiphany. A moment of realization that I would not be the person I am today, if I had not put my heart and soul out to fulfil the pledge I made when I entered this campus which is to expand my mind, to be a better me and to try new things. Also the one month process to come up with this speech, after three rejected drafts and hoping I would not bore all of you or convey cliché messages as you anxiously wait for your turn to get on this stage. After all the pressure and stress, I came to conclusion I would just speak from the heart.

Allow me to reminisce our experience in the University of Malaya, the struggle with assignments, tests and final exams while juggling college activities and societies. Running late to an early morning class after burning the midnight oil trying to finish a piece of work. Be proud of yourself as you managed to get to this point even after losing a friend or a family member. Even after banging your head to the wall, trying to figure out how to survive

the semester, be proud that you did not fail. Smile for the time you helped out a friend to catch up in class but you end up lost for the rest of it. It might not have been easy but all these little things are worth holding on to, to be proud of and to cherish.

For all of you here as a graduate receiving your degree scroll today and for family members seeing your son, daughter, brother or sister getting to this point in life. Congratulations!

Truly, failure is inevitable. For me, change is the only constant in life. I learnt back then that there was a barrier between my comfort zone and all the wonders I could achieve. I am grateful to those I met during my university journey who taught me bravery, altruism and taking chances to be true to myself.

It is a truly precious gift to be here at this moment and I thank my mama and papa for that. Greatest gift that we could give back to our parents, apart from getting them a grandchild of course, is making them proud. To my brother and sisters who would back me up no matter what. To the lecturers and professors that have guided us and taught us invaluable lessons, thank you. To my coursemates and friends who were there for study groups, staying up together finishing up our Final Year Project with lots of eating in between. Thanks to all the remarkable, kind people I have met during my time in the University of Malaya.

One final point I would like to make, each of us are destined for something grand and meaningful, be it now or later. We only have this life once, so let's make it worthwhile.

Di sini saya ingin merungkaikan bahawa pentingnya untuk beristiqomah dan terus berusaha tanpa mengenal erti putus asa kerana hidup ini sentiasa diuji. Sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain.

Walaikumsalam, Warahmatullah Hiwabarakatuh.

UCAPAN TAN SRI PRO-CANSELOR TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB

Isnin, 23 Oktober 2017 (Petang)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia dan izin Allah kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana yang penuh ceria untuk meraikan saat yang amat bermakna bagi para graduan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya ini.

Para hadirin sekalian,

Istiadat konvokesyen pada petang ini merupakan Bahagian Kelima daripada tujuh bahagian yang telahpun bermula pada 21 Oktober 2017 dan akan berakhir pada 24 Oktober 2017.

Dalam istiadat konvokesyen kali ini, Universiti Malaya menganugerahkan ijazah kepada 4,867 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian sama ada pada peringkat Ijazah Kedoktoran, Sarjana ataupun Sarjana Muda. Daripada jumlah tersebut, 645 merupakan penerima Ijazah Kedoktoran, 1,795 penerima Ijazah Sarjana dan 2,427 penerima Ijazah Sarjana Muda.

Di samping itu, konvokesyen tahun ini turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Tan Sri Dato' Dr. Lee Shin Cheng dan juga Ijazah Kehormat Doktor Kemanusiaan kepada Dr. Anthony Crothers Milner. Selain itu, gelaran Profesor Emeritus pula dianugerahkan kepada Datuk Dr. Zainal bin Kling dan Dr. Lin Hai Peng.

Pada petang ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda kepada 689 graduan dalam pelbagai disiplin dan bidang pengajian daripada Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Fakulti Alam Bina, Akademi Pengajian Islam dan Pusat Kebudayaan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Persoalan integriti merupakan nilai yang amat penting bagi sesebuah negara mencapai kecemerlangan dan hal ini tidak terkecuali bagi institusi pengajian tinggi. Pelan Strategi Pengajian Tinggi Negara yang mahu menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pengajian tinggi menjelang 2020 misalnya, amat bergantung pada sejauh mana kita mampu menerapkan nilai integriti dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Dalam hal ini, pendidikan di Universiti Malaya telah membentuk graduan yang mempunyai daya kepimpinan yang tinggi dalam organisasi, mempraktikkan budaya kerja yang cemerlang, mempunyai jati diri yang tinggi serta penghayatan agama yang mendalam. Penghasilan graduan yang berintegriti ini menjadikan sesebuah universiti bereputasi tinggi dan yang lebih penting, nilai integriti yang tinggi ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kejayaan para graduan hari ini.

Dalam menghadapi gelombang penyebaran fitnah yang semakin melanda, aspek yang menekankan nilai kebenaran wajib diberikan perhatian oleh setiap institusi pendidikan. Mungkin perlu dilukiskan garis pemisah yang membezakan di antara insan berpelajaran dengan insan berpendidikan, di antara insan berpengetahuan dengan insan berilmu. Insan berpelajaran mungkin menguasai pelbagai pengetahuan tetapi tidak merasa salah untuk menyalahgunakan pengetahuan bagi kepentingan diri sendiri, meski mencetuskan kesengsaraan kepada insan lain dan kehidupan alam; sementara insan berpendidikan adalah insan berilmu yang dilengkapi komponen roh, lalu menyedari akan etika dan batas yang wajib dihormati.

Sebagai pusat perkembangan ilmu dan tamadun yang berwibawa dan bertanggungjawab melahirkan cerdik pandai, Universiti Malaya dilihat sebagai

satu tempat yang unggul bagi memperkasa nilai integriti ini bagi melahirkan graduan dan tenaga kerja yang mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada negara secara umumnya dan Universiti Malaya khususnya.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Transformasi Nasional 2050 atau lebih dikenali sebagai TN50, merupakan satu gagasan baharu oleh Perdana Menteri buat Malaysia menjelang Tahun 2050. TN50 merupakan satu visi nasional yang akan digalas anak muda bagi merealisasikan agenda Malaysia untuk berkembang pesat sebagai negara maju mengikut acuan dan pemikiran jitu anak watan. Proses ini dijangkakan akan mengambil masa selama 30 tahun dengan matlamat untuk membentuk satu negara bangsa yang benar-benar berwibawa cemerlang. Untuk itu, pandangan, input dan cadangan generasi muda daripada pelbagai latar belakang akan diambil kira untuk menjayakannya.

TN50 dilihat sebagai satu manifestasi jelas keterbukaan kerajaan dalam mendengar suara anak muda mengenai hala tuju negara dan bagaimana Malaysia ini harus dibangunkan dalam tempoh kira-kira 30 tahun akan datang. Dasar keterbukaan kerajaan dalam mencorakkan negara dengan mengambil kira pandangan belia generasi muda merupakan wasilah dan mekanisme yang tepat kerana segala dasar dan aspirasi yang dilaksanakan Negara kini semestinya akan memberikan impak yang signifikan kepada landskap Negara pada masa hadapan dari segenap aspek.

TN50 yang bersifat holistik dan inklusif untuk menangani perubahan zaman dan keperluan yang semakin mencabar memerlukan pelaksanaan pembangunan secara menyeluruh untuk memenuhi keperluan rakyat di negara ini. Justeru, masyarakat dan generasi yang akan meneruskan legasi dan kejayaan negara harus mempunyai pemikiran universal.

Selain memacu Malaysia menjadi negara maju, TN50 juga harus bergerak seiring dengan gagasan untuk mewujudkan sebuah negara yang penduduknya berpegang teguh pada nilai-nilai budaya tinggi. Justeru TN50 beraspirasi dan berimpian untuk menjadikan moral dan budaya yang tinggi sebagai dasar falsafah dalam kehidupan masyarakat berbilang bangsa di negara ini.

Selaras dengan gagasan TN50 dan dengan kedatangan Zaman Industri 4.0, para graduan

kita mestilah bersedia untuk berubah dan menyesuaikan diri dengan persekitaran untuk memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja yang kompetitif tanpa sempadan. Malaysia perlu mengenal pasti bidang pengkhususan untuk terus berdaya saing pada peringkat global memandangkan revolusi teknologi industri berlandaskan produktiviti dan gerakan industri bermatlamatkan aktiviti nilai tambah tinggi.

Para graduan harus bersiap sedia menghadapi realiti dunia yang kian mencabar bukan sahaja dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran dan ketersediaan fizikal dengan kehendak pasaran pekerjaan malahan perlu juga melengkapkan diri dengan akhlak dan budi yang menjadi teras pembinaan roh graduan itu sendiri. Integrasi antara akal dan jiwa itu perlu selari dan dibina bersama kerana tidak mungkin modal insan yang cemerlang, tinggi inteleknya, mantap spiritualnya mampu dilahirkan andai kata salah satu elemen ini dipinggirkan.

Kegemilangan Negara pada masa hadapan bukan hanya terletak pada aspek material dan kekayaan yang dimiliki negara malahan perlu diimbangi dengan rakyatnya yang tinggi akal dan budinya. Pepatah Cina ada mengatakan bahawa "Andai inginkan kebahagiaan setahun semailah benih, andai inginkan kebahagiaan sepuluh tahun tanamlah pokok, andai inginkan kebahagiaan seratus tahun didiklah manusia".

Para graduan yang diraikan,

Hari ini adalah merupakan hari di mana anda menikmati hasil kejayaan di atas segala usaha gigih, dedikasi dan penat lelah yang telah disemai dan dicurahkan sepanjang tempoh pengajian di Universiti Malaya. Dalam kegembiraan meraikan kejayaan ini, suka saya ingatkan bahawa apa yang dikecapi hari ini, tidak akan terjadi tanpa sokongan, bantuan dan iringan doa kedua ibu bapa, kaum keluarga dan sahabat handai. Selain itu masyarakat sekeliling juga tidak terkecuali dalam menyumbang kepada kejayaan anda dalam apa jua cara.

Oleh itu, ucapkanlah terima kasih kepada mereka ini dengan menyumbang kembali kepada mereka yang telah membantu. Gunakanlah sepenuhnya segala ilmu, kemahiran dan pendedahan yang diperolehi di Universiti Malaya dengan sebaiknya untuk membantu masyarakat dan anak bangsa. Inilah peluang saudara dan saudari mencurahkan bakti, tidak semestinya wang ringgit yang menjadi ukuran tetapi dekatilah mereka dan bawalah

perubahan yang akan dapat memajukan lagi masyarakat.

Setelah meninggalkan alam universiti, saudara-saudari berhadapan dengan pilihan, untuk selanjutnya membina watak insan terpelajar dan berpengetahuan atau membina watak insan berpendidikan dan berilmu. Saudara-saudari akan menghadapi pelbagai godaan dan dugaan dalam hasrat mahu membina watak insan berpendidikan, insan berilmu, insan syumul. Dalam menghadapi godaan dan dugaan, saudara-saudari perlu memiliki kekuatan azam, perlu memiliki daya tahan, perlu membina pohon keimanan yang kukuh. Jadikan ingatan untuk tidak mudah terperangkap dengan formula 'kejayaan segera – kekayaan segera – kemewahan segera – kekuasaan segera'. Bahawa kejayaan, kekayaan, kemewahan dan kekuasaan yang dimiliki melalui usaha tulen, melalui titik jerih dan kesabaran, lebih kekal, lebih afdal dan lebih sejahtera sifatnya.

Beringatlah untuk sentiasa bersyukur dan berterima kasih dengan apa yang dikecapi. Gunakanlah segala pendedahan dan pengalaman yang diperolehi untuk membantu perkembangan anda di masa hadapan. Graduan baru ibarat sebiji anak benih yang baru tumbuh, pelbagai dugaan dan cabaran menunggu di luar sana. Bagi mereka yang bersikap positif dan bersemangat kuat, sentiasalah tabah untuk menempuh segala kesulitan yang dihadapi. Kejayaan pasti menanti orang yang tidak mengalah dalam hidup mereka. Kejayaan dikecapi tidak semestinya diukur dari segi kekayaan material, apa yang utama adalah kekayaan rohani individu itu.

Para hadirin dan hadirat,

Sebagai ibu dan bapa, tentunya kita berasa amat berbangga atas kejayaan anak-anak yang kini bergelar graduan. Para graduan yang merupakan harapan bangsa dan negara akan menjadi tenaga kerja yang bakal berhadapan dengan cabaran dunia tanpa sempadan. Mereka perlu matang dan berkemahiran tinggi bagi menghadapi kepelbagaian cabaran yang serba kompleks pada era teknologi tinggi ini. Namun kematangan, kemahiran dan ilmu pengetahuan yang diperolehi di universiti tidak akan bermakna sekiranya para graduan kita tidak mempunyai akhlak yang mulia.

Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pendorong graduan terutamanya ibubapa yang sentiasa memberi sokongan padu, menghulurkan bantuan kebendaan dan emosi yang diperlukan

tanpa mengira tahap kemampuan diri, dan lebih-lebih lagi sentiasa mendoakan kesejahteraan anak-anak mereka siang dan malam, untuk memastikan anak-anak terus tekun untuk belajar dan akhirnya mencapai kejayaan yang dinantikan. Hargailah jasa ibu bapa selagi mereka ada, dan sekiranya mereka telah tiada bersama saudara-saudari pada hari ini carilah amalan untuk pahala ibu dan bapa kita di alam sana. Kepada yang masih ada lagi ibu dan ayah, tolonglah hormati dan jaga mereka sebaiknya.

Jasa orang tua tidak akan dapat saudara-saudari balas, walau sebanyak mana saudara-saudari memberi perhatian terhadap mereka. Pengorbanan mereka terlalu besar, terhadap anda. Tiada guna saudara-saudari berilmu setinggi langit, jika tidak dapat membahagiakan ibu bapa sebagaimana dia membahagiakan saudara-saudari semasa anda memerlukan perlindungan darinya.

Hadirin dan hadirat,

Demi kesejahteraan dan keharmonian negara Malaysia pada masa akan datang, marilah kita semua sama-sama berdoa agar para graduan hari ini kekal menjadi insan yang berakhlak mulia, berintegriti, jujur dan amanah bagi menjamin negara ini sentiasa aman dan sejahtera, terselamat daripada keadaan huru-hara, perpecahan dan sebagainya. Justeru setiap graduan wajib berjuang menegakkan akhlak mulia dan berusaha mencegah dan memerangi apa sahaja gejala kerosakan akhlak yang ada. Jika perkara ini diabaikan, tentu seseorang itu akan rugi dan mendapat kehinaan, baik dalam masyarakat, mahu pun negara.

*Tanam mengkudu di seberang paya
Buluh merimbun di tebing tinggi
Bangsa berilmu bangsa berjaya
Negara dijulung di puncak tinggi*

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, Universiti Malaya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga kampus atas sumbangan yang diberikan untuk membolehkan Universiti Malaya melonjak kedudukan *ranking* dunia dari tangga 133 pada tahun 2016 ke tangga 114 di dalam *QS World University Rankings* 2017. Prestasi cemerlang juga diperolehi dalam bidang tertentu dan Universiti Malaya telah tersenarai dalam kelompok 50 universiti terbaik dunia dalam *QS World University Rankings by Subject* 2017 bagi 5 subjek, iaitu Kejuruteraan Elektrik, Pengajian Pembangunan, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Kimia, dan

Pendidikan seperti yang telah diumumkan pada 8 Mac 2017. Sementara di peringkat Asia, *ranking* juga telah melonjak dari tangga 27 pada tahun 2016 ke tangga 24 pada tahun 2017.

Tahniah saya ucapkan kepada Profesor Tan Sri Dato' Sri Dr. Zakri Abdul Hamid, Datuk Profesor Dr. Awg. Bulgiba Awg. Mahmud, Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Universiti, Profesor, Dekan dan seluruh tenaga pengajar serta warga Universiti Malaya yang sedia ada mahupun warga dan tenaga pengajar sebelum ini yang telah bertungkus lumus memberikan khidmat terbaik

dalam usaha memastikan proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan terlaksana dengan sempurna di Universiti Malaya, dan memastikan UM mengekalkan kedudukannya sebagai universiti terulung di Malaysia.

Kepada tetamu-tetamu kehormat, dif-dif jemputan dan para hadirin sekalian, terima kasih kerana sudi memeriahkan dan menyerikan lagi majlis ini.

Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.*

**UCAPAN TAN SRI PRO-CANSELOR
TAN SRI DATO' SERI DIRAJA RAMLI NGAH TALIB**

Selasa, 24 Oktober 2017 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia dan izin Allah kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana yang penuh ceria untuk meraikan saat yang amat bermakna bagi para graduan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya ini.

Para hadirin sekalian,

Istiadat konvokesyen pada pagi ini merupakan Bahagian Keenam daripada tujuh bahagian yang telahpun bermula pada 21 Oktober 2017 dan akan berakhir pada hari ini, 24 Oktober 2017.

Dalam istiadat konvokesyen kali ini, Universiti Malaya menganugerahkan ijazah kepada 4,867 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian sama ada pada peringkat Ijazah Kedoktoran, Sarjana ataupun Sarjana Muda. Daripada jumlah tersebut, 645 merupakan penerima ijazah Kedoktoran, 1,795 penerima ijazah Sarjana dan 2,427 penerima ijazah Sarjana Muda.

Di samping itu, konvokesyen tahun ini turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Tan Sri Dato' Dr. Lee Shin Cheng, dan juga Ijazah Kehormat Doktor Kemanusiaan kepada Dr. Anthony Crothers Milner. Selain itu, gelaran Profesor Emeritus pula dianugerahkan kepada Datuk Dr. Zainal bin Kling dan Dr. Lin Hai Peng.

Pada pagi ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda kepada 719 graduan dalam pelbagai disiplin dan bidang pengajian daripada Fakulti Pergigian, Fakulti Undang-Undang, Fakulti Perubatan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Akademi Pengajian Melayu dan Pusat Sukan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Persoalan integriti merupakan nilai yang amat penting bagi sesebuah negara mencapai kecemerlangan. Pelan Strategi Pengajian Tinggi Negara yang mahu menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pengajian tinggi menjelang 2020 misalnya, amat bergantung pada sejauh mana kita mampu menerapkan nilai integriti dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Dalam hal ini, pendidikan di Universiti Malaya telah membentuk graduan yang mempunyai daya kepimpinan yang tinggi dalam organisasi, mempraktikkan budaya kerja yang cemerlang, mempunyai jati diri yang tinggi serta penghayatan agama yang mendalam. Penghasilan graduan yang berintegriti ini mampu menjadikan sesebuah universiti bereputasi tinggi, dan nilai integriti yang tinggi ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kejayaan para graduan hari ini.

'*The pursuit of truth*' atau usaha mengenal kebenaran adalah antara yang penting dalam kita mengejar pendidikan sempurna. Oleh itu, aspek yang menekankan nilai kebenaran wajib diberikan perhatian oleh setiap institusi pendidikan. Mungkin perlu dilukiskan garis pemisah yang membezakan di antara insan berpelajaran dengan insan berpendidikan, di antara insan berpengetahuan dengan insan berilmu. Insan berpelajaran mungkin menguasai pelbagai pengetahuan tetapi tidak merasa salah untuk menyalahgunakan pengetahuan bagi kepentingan diri sendiri, meski mencetuskan kesengsaraan kepada insan lain dan kehidupan alam; sementara insan berpendidikan adalah insan berilmu yang dilengkapi komponen roh, lalu menyedari akan etika dan batas yang wajib dihormati.

Sebagai pusat perkembangan ilmu dan tamadun yang berwibawa dan bertanggungjawab melahirkan cerdik pandai, Universiti Malaya dilihat sebagai

satu tempat yang unggul bagi memperkasa nilai integriti ini bagi melahirkan graduan dan tenaga kerja yang mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada negara secara umumnya dan Universiti Malaya khususnya.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Transformasi Nasional 2050 merupakan satu gagasan baharu oleh Perdana Menteri buat Malaysia menjelang Tahun 2050. Transformasi ini merupakan satu visi nasional yang akan digalas anak muda bagi merealisasikan agenda Malaysia untuk berkembang pesat sebagai negara maju mengikut acuan dan pemikiran jitu anak watan.

Transformasi ini dilihat sebagai satu manifestasi jelas keterbukaan kerajaan dalam mendengar suara anak muda mengenai hala tuju negara dan bagaimana Malaysia ini harus dibangunkan dalam tempoh kira-kira 30 tahun akan datang. Dasar keterbukaan kerajaan dalam mencorakkan negara dengan mengambil kira pandangan belia generasi muda merupakan wasilah dan mekanisme yang tepat kerana segala dasar dan aspirasi yang dilaksanakan Negara kini semestinya akan memberikan impak yang signifikan kepada landskap Negara pada masa hadapan dari segenap aspek.

Selain memacu Malaysia menjadi negara maju, transformasi ini juga harus bergerak seiring dengan gagasan untuk mewujudkan sebuah negara yang penduduknya berpegang teguh pada nilai-nilai budaya tinggi. Justeru transformasi ini beraspirasi dan berimpian untuk menjadikan moral dan budaya yang tinggi sebagai dasar falsafah dalam kehidupan masyarakat berbilang bangsa di negara ini.

Selaras dengan transformasi ini, para graduan kita mestilah bersedia untuk berubah dan menyesuaikan diri dengan persekitaran untuk memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja yang kompetitif tanpa sempadan. Malaysia perlu mengenal pasti bidang pengkhususan untuk terus berdaya saing pada peringkat global memandangkan revolusi teknologi industry berlandaskan produktiviti dan gerakan industri bermatlamatkan aktiviti nilai tambah tinggi.

Para graduan harus bersiap sedia menghadapi realiti dunia yang kian mencabar dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran dan ketersediaan fizikal dengan kehendak pasaran pekerjaan serta dapat

melengkapkan diri dengan akhlak dan budi yang menjadi teras pembinaan roh graduan itu sendiri. Integrasi antara akal dan jiwa itu perlu selari dan dibina bersama kerana tidak mungkin modal insan yang cemerlang, tinggi intelegnya, mantap spiritualnya mampu dilahirkan andai kata salah satu elemen ini dipinggirkan.

Saya fikir sudah sampai masanya subjek yang terkandung dalam bidang Kemanusiaan, Sains Sosial dan Sastera dipandang dari perspektif yang baru. Dengan ringkas, kelayakan kemasukan untuk belajar dalam bidang-bidang ini dipertingkatkan setinggi mungkin supaya jumlah yang diterima dapat dikurangkan daripada jumlah yang ada sekarang di semua Universiti Awam. Ini adalah bertujuan bahawa dengan bilangan yang kecil ini akan dapat mewujudkan graduan-graduan yang mampu menyumbang secara berkesan di peringkat wilayah mahupun di peringkat antarabangsa, sekaligus meningkatkan imej negara. Sumbangan ini diharap dapat membawa kepada perhubungan antara negara yang lebih berkualiti serta mampu melahirkan usaha-usaha membentuk dunia yang lebih aman. Di peringkat nasional pula, mereka-mereka ini diharap mampu menyumbang dalam pentadbiran untuk membina masyarakat yang lebih berbudaya, bersatu padu dan maju.

Semua permohonan yang tidak diterima untuk memasuki bidang kursus tersebut di atas, boleh dimasukkan ke dalam kursus-kursus kemahiran teknologi serta vokasional yang tidak kurang mampu menjamin pendapatan yang lumayan serta masa hadapan mereka. Dengan mengikuti kemahiran seperti ini juga dapat menjamin negara memperoleh kemahiran tinggi di pelbagai bidang industri ke arah merealisasikan dasar kerajaan bagi mewujudkan negara dan rakyat yang berpendapatan tinggi. Sekiranya kita mengikut perspektif dan tindakan yang dicadangkan di atas, dengan adanya perubahan struktur seperti ini, sudah tentu kita dapat menghapuskan pandangan serta tanggapan ramai terhadap kedua-dua bidang pelajaran ini.

Para graduan yang diraikan,

Hari ini adalah merupakan hari di mana anda menikmati hasil kejayaan di atas segala usaha gigih, dedikasi dan penat lelah yang telah disemai dan dicurahkan sepanjang tempoh pengajian di Universiti Malaya. Dalam kegembiraan meraikan kejayaan ini, suka saya ingatkan bahawa apa yang dikecapi hari ini, tidak akan terjadi tanpa

sokongan, bantuan dan iringan doa kedua ibu bapa, kaum keluarga dan sahabat handai. Selain itu masyarakat sekeliling juga tidak terkecuali dalam menyumbang kepada kejayaan anda dalam apa jua cara.

Oleh itu, ucapkanlah terima kasih kepada mereka ini dengan menyumbang kembali kepada mereka yang telah membantu. Gunakanlah sepenuhnya segala ilmu, kemahiran dan pendedahan yang diperolehi di Universiti Malaya dengan sebaiknya untuk membantu masyarakat dan anak bangsa. Inilah peluang saudara dan saudari mencurahkan bakti, tidak semestinya wang ringgit yang menjadi ukuran tetapi dekatilah mereka dan bawalah perubahan yang akan dapat memajukan lagi masyarakat.

Setelah meninggalkan alam universiti, saudara-saudari berhadapan dengan pilihan, untuk selanjutnya membina watak insan terpelajar dan berpengetahuan atau membina watak insan berpendidikan dan berilmu. Saudara-saudari akan menghadapi pelbagai cabaran dalam hasrat mahu membina watak insan berpendidikan, insan berilmu, insan syumul. Dalam menghadapi cabaran, saudara-saudari perlu memiliki kekuatan azam, perlu memiliki daya tahan, perlu membina pohon keimanan yang kukuh. Jadikan ingatan untuk tidak mudah terperangkap dengan formula 'kejayaan segera – kekayaan segera – kemewahan segera – kekuasaan segera'. Bahawa kejayaan, kekayaan, kemewahan dan kekuasaan yang dimiliki melalui usaha tulen, melalui titik jerih dan kesabaran, lebih kekal, lebih afdal dan lebih sejahtera sifatnya.

Graduan baru ibarat sebiji anak benih yang baru tumbuh, pelbagai dugaan dan cabaran menunggu di luar sana. Bagi mereka yang bersikap positif dan bersemangat kuat, sentiasalah tabah untuk menempuh segala kesulitan yang dihadapi. Kejayaan pasti menanti orang yang tidak mengalah dan berakhlak tinggi.

Para hadirin dan hadirat,

Sebagai ibu dan bapa, tentunya kita berasa amat berbangga atas kejayaan anak-anak yang kini bergelar graduan. Para graduan yang merupakan harapan bangsa dan negara akan menjadi tenaga kerja yang bakal berhadapan dengan cabaran dunia tanpa sempadan. Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pendorong graduan terutamanya ibubapa yang sentiasa memberi

sokongan padu. Hargailah jasa ibu bapa selagi mereka ada, dan sekiranya mereka telah tiada bersama saudara-saudari pada hari ini carilah amal untuk pahala ibu dan bapa kita di alam sana. Kepada yang masih ada lagi ibu dan ayah, tolonglah hormati dan jaga mereka sebaiknya. Daripada Riwayat Al Hakim Rasulullah s.a.w telah bersabda :

“Redha Allah bergantung pada redha dua ibu bapa, dan murka Allah bergantung pada murka kedua-dua ibu bapa.”

Jasa orang tua tidak akan dapat saudara-saudari balas, walau sebanyak mana saudara-saudari memberi perhatian terhadap mereka. Pengorbanan mereka terlalu besar, terhadap anda.

Hadirin dan hadirat,

Demi kesejahteraan dan keharmonian negara Malaysia pada masa akan datang, marilah kita semua sama-sama berdoa agar para graduan hari ini kekal menjadi insan yang berakhlak mulia, berintegriti, jujur dan amanah bagi menjamin negara ini sentiasa aman dan sejahtera, terselamat daripada keadaan huru-hara, perpecahan dan sebagainya. Justeru setiap graduan wajib berjuang menegakkan akhlak mulia dan berusaha mencegah dan memerangi apa sahaja gejala kerosakan akhlak yang ada. Jika perkara ini diabaikan, tentu seseorang itu akan rugi dan mendapat kehinaan, baik dalam masyarakat, mahu pun negara.

*Tanam mengkudu di seberang paya
Buluh merimbun di tebing tinggi
Bangsa berilmu bangsa berjaya
Negara dijulang di puncak tinggi*

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, Universiti Malaya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga kampus atas sumbangan yang diberikan untuk membolehkan Universiti Malaya melonjak kedudukan *ranking* dunia dari tangga 133 pada tahun 2016 ke tangga 114 di dalam *QS World University Rankings 2017*. Prestasi cemerlang juga diperolehi dalam bidang tertentu dan Universiti Malaya telah tersenarai dalam kelompok 50 universiti terbaik dunia dalam *QS World University Rankings by Subject 2017* bagi 5 subjek, iaitu Kejuruteraan Elektrik (23), Pengajian Pembangunan (26), Kejuruteraan Mekanikal (33), Kejuruteraan Kimia (38) dan Pendidikan (41)

seperti yang telah diumumkan pada 8 Mac 2017. Sementara di peringkat Asia, *ranking* juga telah melonjak dari tangga 27 pada tahun 2016 ke tangga 24 pada tahun 2017.

Tahniah saya ucapkan kepada Tan Sri Dato' Sri Profesor Dr. Zakri Abdul Hamid, Datuk Profesor Dr. Awg. Bulgiba Awg. Mahmud, Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Universiti, Profesor, Dekan dan seluruh tenaga pengajar serta warga Universiti Malaya yang sedia ada mahupun warga dan tenaga pengajar serta anggota pentadbiran

yang juga telah mencetuskan proses membawa kepada kejayaan yang diperolehi sekarang dan memastikan UM mengekalkan kedudukannya sebagai universiti terulung di Malaysia.

Kepada tetamu-tetamu kehormat, dif-dif jemputan dan para hadirin sekalian, terima kasih kerana sudi memeriahkan dan menyerikan lagi majlis ini.

Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.*

**PIDATO PENGENALAN DAN PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA MUDA
KEPADA PENERIMA ANUGERAH PELAJARAN DIRAJA
UNTUK
SAUDARA LOW CHEE KEEN
DIUCAPKAN OLEH PEMIDATO UMUM
DATUK PROFESOR DR. AWG BULGIBA AWG MAHMUD
YANG MENJALANKAN FUNGSI SEBAGAI NAIB CANSOLOR**

Selasa, 24 Oktober 2017 (Pagi)

Yang Berbahagia Tan Sri Pro-Canselor,
Izinkan saya memperkenalkan penerima Anugerah Pelajaran DiRaja.

Loh Chee Keen.

Loh Chee Keen dilahirkan pada 15 Mac 1993 berasal dan membesar di Puchong, Selangor Darul Ehsan. Beliau merupakan anak sulung daripada tiga orang adik-beradik hasil perkongsian hidup Encik Loh Koon Wan, seorang Pengurus Jualan dan Pemasaran Hartanah, dan Puan Chu Le Cheng, seorang Ahli Terapi.

Loh Chee Keen memulakan alam persekolahannya di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Chen Moh, Petaling Jaya, Selangor dan seterusnya ke peringkat menengah dan juga Pra-Universiti di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Katholik Petaling Jaya, Selangor. Chee Keen memperoleh gred dan keputusan yang baik di semua peperiksaan awam, terutamanya STPM. Chee Keen mendapat gred A untuk lima kertas dalam STPM dan dianugerahkan sebagai Pelajar Cemerlang oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana Muda Ekonomi di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya mulai Sesi 2013/2014. Kecemerlangan beliau di bidang akademik di Universiti Malaya (UM) membolehkan beliau menerima Anugerah Dekan sebanyak enam semester sepanjang pengajian ijazahnya.

Sepanjang bergelar mahasiswa, beliau aktif menerajui dan menganjurkan pelbagai program di Universiti Malaya. Di peringkat fakulti, beliau merupakan Timbalan Pengarah Projek pada Sesi

2013/2014 dan Presiden pada Sesi 2014/2015 untuk Persatuan Ekonomi Universiti Malaya (PEKUMA). Semasa memimpin PEKUMA, Loh Chee Keen mengambil inisiatif untuk mengendalikan program baru berkaitan isu semasa ekonomi yang memberi nilai tambah kepada pelajar universiti. Antaranya Forum GST, Diskusi Bajet Kerajaan dengan Kementerian Kewangan Malaysia, dan penganjuran Pertandingan Cabaran Ekonomi di peringkat universiti. Sepanjang tempoh beliau menerajui PEKUMA sebagai Presiden, PEKUMA telah dianugerahkan sebagai salah sebuah persatuan yang terbaik oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Malaya.

Loh Chee Keen juga terlibat secara langsung dalam *Bursa Young Investor Club* sebagai ketua publisiti. Program ini merupakan usaha sama dengan pihak Bursa Malaysia yang bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai pelaburan dalam kalangan pelajar universiti. Di peringkat universiti dan kolej, beliau sering terlibat sebagai ahli jawatankuasa dalam penganjuran beberapa program budaya dan sukan, di mana beliau seringkali diberi tugas yang berkaitan dengan pemasaran.

Tidak hanya aktif di peringkat Universiti dan kebangsaan, Loh Chee Keen juga telah mewakili Universiti Malaya di peringkat antarabangsa. Beliau telah memimpin pasukan Universiti Malaya di *CFA Institute Research Challenge 2016* yang telah dianjurkan oleh Institut CFA. Melalui pertandingan berkenaan, pasukan UM telah membentangkan cadangan pelaburan kepada ahli panel yang kemudiannya berjaya memenangi pertandingan tersebut di peringkat nasional. Seterusnya,

beliau mewakili Malaysia dalam pertandingan antarabangsa Asia Pacific *CFA Institute Research Challenge 2016* dan berjaya hingga ke separuh akhir. Beliau juga mewakili Universiti Malaya dalam pertandingan *ICAEW Regional Business Challenge 2016* dan berjaya hingga peringkat akhir.

Atas kecemerlangannya dalam bidang akademik, daya kepimpinan dan penglibatan ko-kurikulum,

Loh Chee Keen dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pelajaran DiRaja tahun 2017.

Mohon Izin Yang Berbahagia Tan Sri Pro-Canselor, menganugerahkan kepada Loh Chee Keen, Anugerah Pelajaran DiRaja dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi.

**UCAPAN PENERIMA ANUGERAH PELAJARAN DIRAJA
OLEH
SAUDARA LOW CHEE KEEN**

Selasa, 24 Oktober 2017 (Pagi)

Salam sejahtera.

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli Ngah Talib

Pro-Canselor, Universiti Malaya

beautiful portrait. The A4 paper is your primary, secondary, or even pre-u studies, and the blank canvas sheet is our journey here in the University of Malaya.

Datuk Profesor Dr. Awg Bulgiba Awg Mahmud
Pemangku Naib Canselor, Universiti Malaya

Here, you can be whoever you want to be, to realize your potentials and aspirations:

Dekan-dekan, pensyarah yang dihormati, ibu bapa yang dikasihi dan hadirat hadirat sekalian, terima kasih kerana sudi meluangkan masa pada hari ini untuk meraikan kejayaan kami bersama dalam sesi konvokesyen ini.

You can be the diligent student who aces every single presentation and every exam, striving for the straight A's;

Anugerah Pelajaran DiRaja merupakan satu anugerah yang amat bermakna. Sebagai penerima anugerah pada tahun ini, saya, amat terharu dan bersyukur atas penghargaan ini.

You can be the most competitive student, participating in international competitions and putting UM's name onto the halls of fame;

Hadirin dan Hadirat sekalian,

You can be the compassionate social volunteer, standing against injustice and fighting relentlessly for a social cause;

Saya rakamkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Universiti Malaya kerana dapat berada di sini untuk menerima anugerah yang berprestij ini. Anugerah ini bersimbol memberi afirmatif kepada saya terhadap kejayaan pelajaran saya dan kesungguhan dalam pelbagai aspek sama ada akademik ataupun kokurikulum. Walau bagaimanapun, tanggapan seseorang terhadap tafsiran kejayaan adalah subjektif, saya yakin bahawa semua graduan di sini, anda berjaya dalam terma sendiri dan tiada siapa yang akan menafikannya. Kepada anda semua, tahniah. Kami bangga sebagai graduan Universiti Malaya.

You can be the explorer, trying out different experiences that you have been longing to try beyond your comfort zone

We may have had bumpy roller-coaster rides along the way, sometimes making mistakes. But these are the unique experiences that differentiate us from other graduates.

